

MIGRASI DAN KESANNYA KEPADA STRUKTUR ADAT PERPATIH :

KAJIAN KES DIKAMPUNG BUKIT GOMBANG, JEMPOL

ADNAN BIN ABU BAKAR

NO. MATRIK 39025

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA.

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESI 1983/84

Sinopsis

Kajian ini adalah mengenai migrasi dan kesannya kepada struktur Adat Perpatih dengan tumpuan khas pada Kg. Bukit Gombang, Jempol, Negeri Sembilan. Ia menghuraikan dan menganalisa perubahan-perubahan yang telah berlaku pada sistem Adat dengan penghijrahan penduduk. Kajian ini dibahagikan kepada lima bab.

Dalam bab 1, dihuraikan tentang tujuan kajian, kaedah kajian, kesulitan kajian, bidang kajian dan masyarakat Adat Perpatih pada teorinya. Ini adalah bab pendahuluan iaitu asas kepada kajian.

Bab 2 pula akan menghuraikan merantau didalam konsep Adat Perpatih. Diterangkan juga sebab-sebab berlakunya penghijrahan dimasa kini dan juga hubungan penghijrah dengan tempat asal. Ini untuk melihat migrasi dari segi konsep yang menjadi dasar kepada pengkajian. Faktor-faktor migrasi itu ialah faktor ekonomi dan ekologi, sosio-budaya dan faktor politik.

Bab 3 pula akan menerangkan kesan-kesan migrasi kepada aspek ekonomi dan kesan kepada 'Rites de passage' iaitu perkahwinan dan perceraian. Bab ini akan menghuraikan dengan panjang lebar tentang perubahan-perubahan yang telah berlaku ditempat kajian ini.

Bab 4 pula akan menghuraikan **kesan migrasi dari segi politik** yang banyak terjadi ditempat **kajian ini**. Struktur kekuasaan dan kepimpinan ini akan dikaitkan dengan krisis yang telah terjadi. Krisis ini melibatkan dua fenomena iaitu krisis didalam pemilihan Datuk Jempol dan krisis didalam pimpinan Buapak dikalangan 'Suku Tiga Batu'. Krisis ini telah berlaku dikampung ini dan penyelesaiannya belum lagi dapat diatasi.

Bab 5 pula ialah bab kesimpulan iaitu pengkaji cuba membuat perbandingan dengan kajian-kajian yang telah dilakukan dahulu. Ia juga akan cuba membuat ramalan tentang masadepan adat dengan analisa-analisa pengkaji sendiri.

1. Pendahuluan	1
2. Kajian Sebelumnya	2
3. Metodologi	3
4. Analisa	4
4.1. Pengaruh Migrasi	5
4.2. Pengaruh Pemerintahan	6
4.3. Pengaruh Perkembangan Sosial	7
4.4. Pengaruh Perkembangan Ekonomi	8
4.5. Pengaruh Perkembangan Politik	9
4.6. Pengaruh Perkembangan Budaya	10
4.7. Pengaruh Perkembangan Sains dan Teknologi	11
4.8. Pengaruh Perkembangan Komunikasi	12
4.9. Pengaruh Perkembangan Perdagangan	13
4.10. Pengaruh Perkembangan Perindustrian	14
4.11. Pengaruh Perkembangan Pertanian	15
4.12. Pengaruh Perkembangan Perikanan	16
4.13. Pengaruh Perkembangan Perhutani	17
4.14. Pengaruh Perkembangan Perminyakan	18
4.15. Pengaruh Perkembangan Perlogistik	19
4.16. Pengaruh Perkembangan Perperikan	20
4.17. Pengaruh Perkembangan Perperikan	21
4.18. Pengaruh Perkembangan Perperikan	22
4.19. Pengaruh Perkembangan Perperikan	23
4.20. Pengaruh Perkembangan Perperikan	24
4.21. Pengaruh Perkembangan Perperikan	25
4.22. Pengaruh Perkembangan Perperikan	26
4.23. Pengaruh Perkembangan Perperikan	27
4.24. Pengaruh Perkembangan Perperikan	28
4.25. Pengaruh Perkembangan Perperikan	29
4.26. Pengaruh Perkembangan Perperikan	30
4.27. Pengaruh Perkembangan Perperikan	31
4.28. Pengaruh Perkembangan Perperikan	32
4.29. Pengaruh Perkembangan Perperikan	33

<u>Kandungan</u>		
3.1	Rujukan kepada literatur
3.2	Rujukan kepada 'citizen the penang'
		Muka surat
Kenangan	(a) Perkenangan i
Penghargaan	(b) Pengiktirafan ii
Sinopsis	 iii
Daftar Kandungan	 iv
Senarai Jadual dan Rajah	(Tables) v
4.2	Penilaian dan klasifikasi di Jepul 50
<u>Bab 1</u>	63
1.1	Tujuan Kajian 1
1.2	Bidang Kajian 2
1.3	Kaedah Kajian 5
1.4	Kesulitan Kajian 9
1.5	Masyarakat Adat Perpatih 11
<u>Bab 2</u>		
2.1	Konsep Merantau dalam Adat Perpatih 18
2.2	Sebab-Sebab berlakunya Migrasi Masakini 23
a)	Ekonomi/Ekologi 24
b)	Sosio-budaya 29
c)	Politik 32
2.3	Penghijrah dan hubungan dengan tempat asal 33

<u>Senarai Jadual dan Rajah</u>	Muka surat
1. Petalakar kedudukan kampung Bukit Gombang	4
2. Peratusan penduduk yang berhijrah	23
3. Taraf pelajaran penduduk	28
4. Luas tanah sawah yang terbiar di Jempol	37
5. Luas tanah sawah yang terbiar di Bukit Gombang	37
6. Struktur kekuasaan Tradisional	56

BAB 1 : PENDAHULUAN1.1 Tujuan Kajian

Latihan Ilmiah ini akan mengkaji sebab-sebab berlakunya migrasi dan kesannya pada kehidupan masyarakat Adat Perpatih khasnya dalam bidang keluarga dan komuniti yang melibatkan adat istiadat berkaitan dengan 'rites de passage' seperti perkahwinan atau kematian; struktur kepimpinan Adat Perpatih dan juga tadbiran komuniti. Kajian ini dibuat memandangkan bahawa migrasi ialah isu semasa yang sering diperkatakan oleh semua pihak. Dengan itu pengkaji akan cuba melihat isu ini dengan berfokuskan masyarakat Adat Perpatih di kampong Bukit Gombang, khususnya.

Persoalan sekarang ialah apakah struktur Adat Perpatih itu masih mampu hidup lebih lama dengan menghadapi zaman yang serba moden atau harus ditelan zaman dengan adanya perpindahan penduduk yang kian bertambah ataupun adakah Adat Perpatih itu makin bertambah kukuh dengan teguh pada masa kini?

Selain daripada itu, pengkaji juga membuat analisa dan perbandingan dengan tulisan-tulisan mengenai Adat Perpatih yang telah sedia ada. Ini adalah bertujuan untuk dibuat perbandingan diantara keadaan masyarakat Adat Perpatih di zaman penulisan itu dibuat, dengan zaman pengkaji dimasa kini. Diantara bahan-bahan yang digunakan untuk perbandingan ialah tulisan-tulisan Azizah Kassim, Abd. Kahar Bador dan Nordin Selat.

1.2 Bidang Kajian

Kajian ini telah dibuat di kampung **Bukit Gombang** iaitu sebuah perkampungan melayu yang luasnya 0.89 batu persegi. Ia terletak 6 batu dari Pekan Bahau dan 10 batu dari Pekan Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Kampung ini terletak didaerah Jempol. Ia diduduki oleh kira-kira 60 buah keluarga dengan bilangan penduduknya kira-kira 380 orang, kesemuanya adalah terdiri dari orang-orang melayu yang mengamalkan Adat Perpatih. Setengah daripada keluasan kampung ini diliputi oleh sawah padi yang pernah satu masa dahulu menjadi punca sumber pendapatan penduduk ini. Tetapi kini hampir kesemuanya telah terbiar. Yang selebihnya adalah tanah kampung dan kebun getah. Kampung ini telah dibuka kira-kira 150 tahun yang lalu dan kesemua penduduk ini jika disusur galurkan jurai keturunannya adalah saling berkaitan dari segi kekeluargaan.

Bilangan orang tua-tua berumur diatas 65 tahun yang ada dikampung ini adalah sangat sedikit. Ia telah dipenuhi dengan generasi muda dan kebanyakannya adalah terdiri daripada kaum perempuan. Dalam kajian ini, telah didapati dalam tiap-tiap keluarga terdapat 2 atau 3 orang ahli keluarga yang telah berhijrah atau merantau mengikut istilah orang Negeri Sembilan samada untuk pekerjaan atau pelajaran. Sementara penduduk yang tinggal dikampung ini bekerja sebagai penoreh getah atau menanam sayur-sayuran. Hanya sebahagian kecil sahaja yang bekerja di Pejabat-pejabat

Kerajaan dan juga pekerjaan sebagai **guru**. **Boleh dikatakan** rumah yang baru dibuat didiami oleh penduduk-penduduk yang telah bersara daripada pekerjaan masing-masing.


Keadaan penduduk dikampung ini pada keseluruhannya adalah didalam keadaan yang sederhana dalam taraf hidupnya. Rata-rata mereka berpendapatan \$300/- sebulan. Kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan api dan air telah ada sejak tahun 70an lagi. Tadbiran kampung dijalankan oleh ketua kampung dengan bantuan beberapa orang Ahli Jawatankuasa kampung. Seperti masyarakat Adat Perpatih yang lain-lainnya, masyarakat kampung ini tergolong kedalam kelompok kekeluargaan yang dipanggil suku (sila lihat Bahagian 1.5) dan kebanyakan penduduk kampung ini terdiri dari "Suku Tiga Batu" iaitu suku yang membuka kampung ini. Selain itu, ada juga penduduk di sini yang tergolong kepada 'Suku Tiga Neneh' dan 'Suku Biduanda'. Adat Perpatih masih kuat diamalkan oleh penduduk kampung ini. Ini jelas dari segi perkahwinan dan 'rites de passage' yang lain-lain.

Cara pengkaji membuat analisa atau penilaian adalah melalui empat (4) tahap iaitu :

- (1) mengkaji politik dan adat dizaman tradisional iaitu peringkat awal adat dijalankan.
- (2) mengkaji Adat Perpatih dalam konteks moden.
- (3) membuat perbandingan diantara kedua-dua peringkat iaitu samada mengukur kemerosotannya atau kekuatannya.

- (4) menilai atau meramalkan struktur Adat Perpatih pada masa akan datang dengan berpandukan kajian yang telah dijalankan.

PETA LAKAR KEDUDUKAN KAMPUNG BUKIT GOMBANG,
JEMPOL, NEGERI SEMBILAN



1.3 Kaedah Kajian

Dalam membuat kajian ini, pengkaji telah membuat berbagai-bagai kaedah atau cara pengkajiannya. Yang terpenting sekali ialah dengan cara temubual dengan berpandukan soalan-soalan yang telah disediakan (Questionnaire) dan dengan memberikan senarai soalan bercorak 'close-ended'. Berkait dengan senarai soalan ini, yang perlu dibuat oleh responden ialah mencatit atau menandakan mana-mana jawapan yang betul yang bersesuaian dengan keadaan mereka. Soalan-soalan didalam kertas ini, kesemuanya berbentuk 'close-ended' iaitu soalan yang telah disediakan jawapannya dan hanya sedikit sahaja yang memerlukan penjelasan yang ringkas. Pengkaji sendiri telah membantu responden mengisi soalan mereka, kerana sebilangan daripada mereka tidak tahu menulis dan membaca dan lagi jikalau ditinggalkan pada mereka, mungkin mereka akan mengabaikannya. Kira-kira 50 buah keluarga telah dikaji melalui kertas-kertas soalan yang serupa. Ini adalah untuk mengambil data-data mereka seperti bilangan anak yang telah merantau, keluasan tanah pusaka yang dimiliki dan lain-lain lagi.

Selain daripada soalan-soalan yang disediakan didalam kertas, pengkaji juga banyak membuat temubual secara terbuka. Ini dilakukan di tempat-tempat yang tidak formal, seperti dikedai kopitiam, bila bersama bekerja atau bila berjumpa dimana-mana. Ini lebih memberi kesan lagi

kerana responden tanpa ragu-ragu dan **syak wasangka mahu** bercerita dengan lebih lanjut lagi. Pengkaji hanya akan **mencatitkan**nya bila sampai dirumah tentang apa yang telah dibincangkan tadi. Dengan itu, pengkaji memerlukan daya ingatan yang baik kerana hendak mengelakkan daripada berlakunya kesilapan dari segi pencatatan maklumat. Ini juga untuk mengelakkan responden berasa jemu atau tidak memahami akan soalan-soalan yang formal kerana penduduk kampung lebih suka akan perbincangan atau perdebatan secara terbuka daripada soalan-soalan yang dianggap mengongkong mereka.

Selain itu, kajian ini juga dilakukan dengan cara pemerhatian dan penyertaan. Pemerhatian disini bermaksud **pengkaji** akan memerhatikan segala gelagat atau kelakuan responden. Hal ini senang dilakukan kerana pengkaji adalah anak kampung ini dan tinggal disini. Oleh itu pengkaji boleh menyertai acara-acara seperti perkahwinan, kematian atau sebarang upacara '**rites de passage**' yang lain. Dengan pemerhatian pengkaji, dapatlah dibuat analisa atau kesimpulan mengenai perkara yang diperhatikan dengan lebih jelas. Cara kajian ini lebih banyak dilakukan kerana ia dirasakan cara yang paling baik untuk mengutip maklumat. Responden tidak menyedari mereka diperhatikan dan dengan itu pengkaji dapat melihat dan merakamkan kelakuan semulajadi mereka. Penyertaan pula bermaksud pengkaji telah sama-sama bergaul dan campurtangan dalam hal ini. Ini seperti kes perkahwinan dimana pengkaji telah menyertai dalam upacara peminangan, hantaran dan lain-lain lagi. Selain itu pengkaji telah sama-sama terlibat didalam bergotong-royong seperti

membuat penanggah, khemah dan lain-lain. Dengan itu, secara tidak langsung pengkaji akan dapat merasai satu suasana adat yang sebenarnya. Pengkaji dapat menyertai sebarang upacara dengan terbuka adalah disebabkan oleh pengkaji adalah anak tempatan dan telah kenal dengan semua penduduk disitu. Ini juga berpandukan kepada perbilangan adat iaitu;

Pandai dek melihat

Tahu dek membuat.

Sample kajian ini adalah terdiri daripada kaum lelaki dan perempuan. Oleh kerana bilangan orang tua yang berumur 55 - 65 tahun adalah terlalu sedikit maka tidak perlu untuk pengkaji memilihnya secara rambang. Selain daripada itu, maklumat mengenai isi keluarga dan anak-anak yang telah merantau juga telah diambil daripada responden.

Dalam kajian ini, pengkaji telah bertemu dengan orang-orang yang pakar dalam Adat Perpatih seperti Datuk Lembaga daripada 'Suku Tiga Batu' dan 'Suku Tiga Nenek', Buapak, Ketua Waris dan orang-orang lain yang ahli atau pakar dalam Adat. Untuk melihat akan kesan-kesan migrasi pada struktur Adat Perpatih, pengkaji telah menemubual orang-orang tua yang berumur 55 tahun ke atas. Ini adalah kerana migrasi banyak terjadi selepas kemerdekaan dan orang diperingkat umur inilah yang banyak terlibat dengan migrasi.

Pengkaji juga telah pergi mendapatkan data-data yang mutakhir tentang keluasan tanah pusaka, tanah bukan adat dan Tanah Reserve

Melayu dari Pejabat Tanah Jempol. Selain itu, keluasan tanah yang terbiar, keluasan tanah sawah, getah dan lain-lain daripada Pejabat Pertanian Jempol. Peta, bilangan penduduk, cukai tanah juga telah didapatkan dari Pejabat Daerah.

Untuk pengkajian sesuatu kes itu, pengkaji telah menemubual orang-orang yang terlibat secara langsung dengan hal itu. Ini misalan-nya dalam kes pemilihan Datuk Jempol, pengkaji telah menemui kesemua calun Datuk Jempol untuk mengetahui akan hal yang sebenarnya. Ini juga terjadi kepada kes pemilihan Buapak dari kalangan 'Suku Tiga Batu'. Mengenai kes seperti perkahwinan atau sebarang 'rites de passage' yang lain, pengkaji telah melihat dan menemui tuanrumah itu sendiri.

Selain daripada itu, pengkaji juga telah menemui orang-orang yang telah merantau seperti di Kuala Lumpur dan Seremban. Ini untuk melihat dan menilai akan kesan migrasi mereka dan cara kehidupan mereka samada berlainan atau tidak dari tempat atau penghidupan asal mereka.

1.4 Kesulitan Kajian

Dalam cara kajian temuramah, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pengkaji. Salah satu daripadanya ialah maklumat yang tidak tepat. Responden kadangkala tidak mahu menjawab soalan-soalan yang diberikan kerana mungkin tidak tahu akan hal adat atau-pun malu kepada pengkaji. Mereka mungkin juga merasa syak wasangka kepada pengkaji yang beranggapan segala keterangan mereka akan dikira dan diberitahu pada pihak atasan walaupun pengkaji telah memberitahu akan diri pengkaji sebenarnya pada peringkat awalnya. Ini sedikit sebanyak telah menjejaskan maklumat-maklumat yang penting untuk pengkaji ketahui.

Setengah-setengah responden telahpun dihubungi terlebih dahulu untuk bertemu tetapi bila masanya didapati mereka tiada dirumah atau-pun alasan yang mereka berikan ialah mereka terlupa. Masa yang tidak sesuai juga menjadi masalah kepada pengkaji. Pada siang harinya mereka sibuk bekerja dan pada malamnya mereka berasa letih. Ini sedikit sebanyak telah menyusahkan pengkaji dalam usaha memungut maklumat.

Seringkali pula terdapat keadaan dimana penyelidik ditemuramah dan bukannya sebaliknya. Disini terdapat beberapa orang responden yang cuba mencurahkan perasaan mereka dengan harapan agar penyelidik dapat akan menyelesaikan masalah mereka. Perkara begini boleh menyebabkan penyelidik terpesong dari tujuan asal pengkaji. Ada juga

masalah campurtangan daripada orang lain. Ini misalannya bila tiba separuh jalan diteruramah, tiba-tiba responden pergi kedapur untuk membuat minuman dan ia diganti oleh orang lain. Ini menjelaskan maklumat yang hendak diperolehi.

Didalam membuat pengumpulan maklumat, rekod dan dokumen, pengkaji telah membuat lawatan ke agensi-agensi yang dijangkakan ada menyimpan lapuran dan rekod tersebut. Maklumat-maklumat ini adakah susah didapati dengan berbagai alasan yang dikemukakan kepada pengkaji oleh pegawai-pegawai Agensi tersebut seperti 'rahsia', 'sulit' dan sebagainya. Malah kadangkala pengkaji mendapat data atau lapuran yang tidak lengkap dan kemaskini. Oleh itu, hal-hal seperti ini sudah tentu akan menganggu kerja-kerja penyelidikan.

Terdapat juga responden yang suka ditemubual di tempat-tempat kerja mereka atau terutama sekali dikedai. Temubual kerap terganggu oleh sebab orang lain yang sengaja datang untuk mendengar temubual itu. Disini terdapat dua masalah yang besar. Pertamanya, kehadiran pihak ketiga dan menjelaskan ketepatan data yang diperolehi. Kedua-duanya, oleh sebab sibuk dengan tugas-tugas mereka, responden cuba hendak menamatkan temubual itu dengan secepat mungkin. Kedua-dua ini akan menjelaskan kajian yang akan dilakukan.

Responden yang ditemubual terdiri daripada mereka yang datang dari berbagai latar belakang pendidikan dan umur. Tidak semua responden betul-betul memahami soalan yang dikemukakan dan boleh menjawabnya dengan tepat. Kadangkala, pengkaji terpaksa menghuraikan maksud soalan-soalan yang dimajukan dan ini sememangnya memakan masa. Masalah ini dihadapi oleh pengkaji terutama sekali apabila menemubual responden yang sudah lanjut umurnya.

1.5 Masyarakat Adat Perpatih

Adat Perpatih adalah merupakan suatu peraturan hidup yang telah dicipta oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang Sri Mara Putih di Minangkabau, Sumatra. Adat ini menentukan peraturan hidup masyarakat penganutnya supaya dapat hidup berterusan dengan kerjasama yang sebaik-baiknya yang akan terus berkekalan. Sistem peraturan hidup Adat Perpatih adalah berdasarkan keturunan nisab ibu dan perempuan selapas berkahwin pula ialah ditempat tinggal ibu. Maka dari sinilah asal itu dikembangkan hingga mempengaruhi segala bidang lain seperti kehidupan sosial, ekonomi, politik atau kepimpinan dan sebagainya.

Mengenai asal-usul Adat Perpatih, di Minangkabau terdapat dua orang adik beradik yang seibu tetapi berlainan bapa. Mereka itu ialah Datuk Temenggung dan Datuk Perpatih. Mereka telah mewarisi pusaka

pemerintahan Negeri Minangkabau. Datuk Temenggung lebih suka memerintah dengan bertitah, tetapi Datuk Perpatih lebih suka memerintah dengan cara perundingan. Jadi, jelaslah cara pentadbiran dan pemerintahan yang dijalankan antara kedua mereka adalah amat bertentangan. Datuk Temenggung tetap berpegang teguh kepada peraturan lama dalam membahagi-bahagikan harta pusaka dengan lelaki lebih banyak mendapat bahagian daripada perempuan, sedangkan Datuk Perpatih menyerahkan segala pesaka kepada anak-anak perempuan sahaja. Disebabkan oleh pertentangan sikap pendirian inilah, mereka berdua sentiasa berselisih faham hingga Negeri Minangkabau terpaksa dibahagi-bahagikan kepada dua iaitu Datuk Temenggung berkuasa dibahagian pesisir dan dikenali dengan nama Adat Temenggung sementara Datuk Perpatih memerintah disebelah barat dan dikenali dengan Adat Perpatih.

Prinsip yang paling penting didalam Adat Perpatih ialah keturunan dikira melalui nisab ibu dan dengan itu wanita mempunyai kedudukan yang paling istimewa kerana ia akan meneruskan perut dan suku. Tanpa wanita dalam satu keluarga, maka keluarga tersebut akan pupus dan hilang. Ini dapat diperhatikan dari keinginan sesuatu keluarga itu untuk mendapat anak perempuan. Bila tiada anak-anak perempuan sendiri, mereka mengambil anak-anak angkat perempuan terutamanya dari ras melayu atau cina. Institusi berkedim~~n~~ atau cecah darah membolehkan anak-anak angkat ini diberi taraf kedudukan, hak serta tanggungjawab yang sama dengan yang ada pada anak-anak perempuan yang dilahirkan dalam masyarakat ini.

Anak-anak perempuan ini juga diharapkan oleh ibubapa supaya menjaga mereka apabila mereka telah tua kelak. Ertinya, masyarakat dahulu anak-anak perempuan adalah 'harta' mereka dan semakin ramai anak perempuan mereka semakin terjaminlah masa tua mereka. Anak perempuan adalah juga penting sebagai tenaga kerja dalam ekonomi pertanian dimana mereka mempunyai beberapa peranan yang khusus.

Didalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan, masyarakat adat menggolongkan diri kepada kelompok kekeluargaan yang dipanggil 'suku' (keluarga atau kaum) dan keanggotaan satu-satu suku berdasarkan kepada kelahiran-kelahiran anggota (melalui nisab ibu). Ahli-ahli satu suku menganggap mereka mempunyai pertalian darah. Sekarang ini terdapat 12 suku dalam masyarakat Adat Perpatih iaitu :

1. Biduanda
2. Batu Hampar
3. Paya Kumbuh
4. Mungkal
5. Tiga Nenek
6. Seri Melenggang
7. Seri Lemak
 - a) Seri Lemak Pahang
 - b) Seri Lemak Minangkabau
8. Batu Belang
9. Tanah Datar
10. Anak Acheh

11. Anak Melaka

12. Tiga Batu.

Satu-satu suku itu dipecahkan kepada beberapa bahagian kecil yang dipanggil 'perut' yang mempunyai ketua yang bergelar 'Buapak' bagi setiap Perut. Setiap anggota didalam perut dikenali sebagai 'Anak Buah' kepada Buapak. Seorang buapak bertanggungjawab terhadap segala persoalan pentadbiran dalam kelompok perut. Beliau dipilih atau dilantik oleh anak-anak buah menurut persetujuan ramai.

Wanita-wanita Adat Perpatih tidak ada hak untuk menyandang jawatan-jawatan adat seperti menjadi buapak, lembaga, undang dan lain-lain kerana jawatan-jawatan ini disandang oleh orang lelaki. Wanita hanya ada hak untuk memilih orang yang bakal menyandang jawatan adat ini. Itupun bila sampai giliran ahli perut/suku mereka memegang jawatan-jawatan tersebut. Walaupun jawatan-jawatan tersebut dipegang oleh orang lelaki, perwarisan jawatan tersebut disalurkan melalui wanita sejajar dengan konsep nisab ibu dalam masyarakat itu.

Bagi setiap suku pula mempunyai ketuanya sendiri yang bergelar 'Lembaga' yang bertanggungjawab terhadap segala hal yang berlaku didalam semua perut yang bergabung didalam suku itu. Lembaga juga dipilih dan dilantik oleh anak-anak buah menerusi buapak-buapak mereka. Susurgalur pentadbiran ini dapat dilihat daripada kata-kata :

Lembaga berlingkungan, Buapak beranak buah,

Anak buah duduk bersuku-suku.

Kawasan tadbiran adat yang lebih besar dari mukim dinamakan Luak yang merupakan satu daerah diketuai pula oleh sidang Pembesar yang dipanggil 'Undang dan Penghulu. Walaupun satu-satu luak itu terdiri dari beberapa suku yang berbaza-beza, namun yang berhak menyandang kedudukan sebagai undang ialah salah seorang daripada anggota suku yang dinamakan 'Waris Biduanda' kerana mereka dianggap orang asal Negeri Sembilan. Gabungan dari luak-luak yang disebutkan tadi akan mengujudkan pula sebuah negeri dimana simbol perpaduan rakyatnya, yang terdiri daripada berbagai-bagai suku itu ialah Raja yang bergelar 'Yang Di Pertuan Besar'. Ini seperti perbilangan adat :

Alam beraja,
 Luak Berpenghulu,
 Lembaga berlingkungan,
 Anak Buah berbuapak.

Oleh kerana orang yang sama suku dianggap sebagai orang yang sekeluarga, maka tidaklah dibolehkan seseorang itu berkahwin didalam sukunya sendiri. Ini akan dianggap sebagai kahwin adik beradik dan menjadi satu kesalahan yang amat besar jikalau didapati berlaku perkahwinan dalam sukunya sendiri.

Apabila seseorang lelaki berkahwin, ia terpaksa tinggal bersama isterinya dan bercampurgaul dengan orang-orang dalam suku isterinya. Ia akan dikenali sebagai 'orang semenda' dan orang dari suku isterinya dikenali sebagai 'orang-orang tempat semenda'.

Jadi yang dimaksudkan dengan 'semenda menyemenda' itu tidaklah lain daripada 'kahwin berkahwin'. Itulah yang dikatakan oleh Adat Perpatih dengan 'Orang semenda bertempat semenda'.

Menyebut tentang harta dan kuasa mewarisi, ada dua jenis harta (tanah pesaka) iaitu,:

(i) Harta Pesaka

- a) Pesaka Benar - iaitu harta kepunyaan 'suku terdiri dari tanah-tanah kampung, sawah, dusun buah-buahan dan rumah yang diwarisi dari ibu yang letaknya diatas tanah pesaka. Harta ini adalah kepunyaan waris ertinya ahli-ahli suku, maka pemiliknya (perempuan) adalah sebagai pemegang amanah yang tertentu sahaja berhak mengusahakannya, mengambil faedah daripadanya, dan tempat saudara lelaki berlindung semasa bujang atau bercerai. Apabila siibu meninggal dunia, maka semuanya akan berpindah milik kepada anak-anaknya yang perempuan atau jika tiada anak perempuan kepada saudara mana-mana yang hampir pertalian-nya sebelah pihak perempuan. Harta ini tidak boleh dijual atau berpindah milik.
- b) Pesaka sendiri - iaitu harta warisan perempuan daripada emak/bapa berupa pakaian atau barang-barang emas kecuali keris, pedang dan pakaian lelaki yang kelak diwarisi oleh lelaki.

- ii) Harta Carian - iaitu harta carian suami isteri dan carian bujang :

Kedua-dua jenis harta ini pewarisnya, jika berlaku perceraian atau mati salah seorang, ianya tertakluk kedalam perbilangan; Bersuarang beragih,
Berkutu belah,
Carian bahagi,
Dapatan tinggal,
Pembawa kembali.

Ertinya pada masa berkahwin, silelaki telah menerangkan apa-apa yang dibawanya dari 'carian bujang' kepada tempat semenda.

Jika berlaku perceraian, hidup atau mati, akan kembali kepada pihak lelaki.

Untuk maklumat, dalam undang-undang Melayu, harta carian bujang yang dibawanya nanti membaci guna dan fasal kepada komuniti masyarakat. Ia dapat bersifat matlamat, tetapi merokai mati pulang. Reka bentuk jalinan masyarakat dapat diwujudkan untuk boleh dimanfaatkan di atas kepentingan dibawa pulang ke kampung.

Nurulzat Noordin (1971) di Melayu mengatakan tempat atau Adat Perpatih iaitu merumah atau rumah makanlah iaitu meninggalkan rumah

BAB 2 : MIGRASI2.1 Konsep Merantau Dalam Adat Perpatih

Dari segi Adat Perpatih migrasi dikenali sebagai merantau iaitu meninggalkan kampung halaman khususnya kawasan Adat Perpatih pergi ketempat lain untuk mencari nafkah hidup atau rezeki. Ini bererti seseorang itu dikatakan merantau apabila dia meninggalkan tanah tumpah darah atau keluarganya. Ditempat orang ia menjadi anak dagang.

Merantau itu dikatakan satu fenomena yang sementara dalam ertikata orang merantau itu akan kembali ke kampung asalnya setelah mendapat rezeki ditempat orang. Kalau sesaorang itu pergi ke tempat orang untuk beberapa tahun, maka dia dikatakan menahun dan jika terus tinggal ditempat baru itu, dipanggil bertanah air.

Merantau mendapat galakan yang tegas dalam Adat Perpatih khususnya kepada golongan yang masih muda untuk tujuan mencari pengalaman hidup yang kemudiannya nanti memberi guna dan faedah kepada kampung mereka. Walaupun pergi merantau, tetapi mereka mesti pulang. Kekayaan yang mereka dapati sewaktu diperantauan tidak boleh dihabiskan disitu tetapi harus dibawa pulang ke kampung.

Menurut Mochtar Naim (1971) di Minangkabau tempat asal Adat Perpatih ini, merantau atau migrasi sukarela ialah meninggalkan satu

kawasan kebudayaan secara sukarela ~~didalam jangkamasa pendek atau panjang yang bertujuan untuk mendapat taraf kehidupan yang baik atau untuk mendapatkan pengetahuan dan pengalaman dan selalunya ada usaha untuk kembali kekampung asalnya.~~ Jikalau sesorang itu berpindah dalam lingkungan kawasan kebudayaannya dan bahasa dan tradisinya masih tetap tidak berubah, maka itu bukan termasuk di-dalam istilah merantau. Ini misalannya, ia merantau dari Bukit Tinggi ke Padang. Tetapi jikalau mereka merantau dari Bukit Tinggi ke Jakarta, Medan, Palembang atau Pekanbaru dimana kebudayaan dan komunikasi antara individu adalah berlainan ia dapat dikatakan sebagai merantau.

Dalam masa tradisional, merantau ini terhad kepada orang bujang dan kalau berkahwin, isteri tidak dibawanya kerana kesulitan dalam perjalanan. Tetapi sekarang merantau ini melibatkan orang perempuan juga, jika mereka itu menurut suaminya untuk mencari nafkah atau rezeki ditempat orang. Ini ditambah dengan arus pembangunan yang ada. Kalau dahulu, merantau dikalangan lelaki sahaja, tetapi sekarang terdapat kaum perempuan sekali.

Merantau ini didorong oleh keadaan dan juga adat. Dari segi keadaan yang mendesak, didapati peluang pekerjaan dikawasan sendiri adalah terhad sementara peluang pekerjaan yang lebih baik terdapat diluar kawasannya. Mungkin juga kerana terdapat ketegangan dalam famili. Dari segi adat pula ialah mungkin untuk mencari kebebasan

dari pada dikongkong oleh adat, mencari harta untuk anak-anak dan mencari pengalaman.

Seorang Pengarang Inggeris, Tate (1971) berpendapat bahawa perkembangan Negeri Melaka sejak pertengahan abad ke 15 telah mengakibatkan perpindahan orang Minangkabau buat pertama kalinya secara besar-besaran. Proses ini dipercepatkan lagi pada masa Melaka dibawah naungan orang Portugis setelah mereka menawan bandar itu. Seterusnya selama abad ke 18, pengaruh Minangkabau amat terasa (di Tanah Semenanjung Melayu amnya) sebagai akibat daripada aktiviti-aktiviti Raja Kecil, Raja Minangkabau di Siak, Pesisir Timur Sumatra.

Mengikut Tate lagi, susunan politik dan ekonomi di Tanah Semenanjung Melayu pada masa bandar itu berada dibawah naungan Portugis dan akibat kegiatan-kegiatan Raja Kecil di Siak yang menyebabkan 'migrasi secara besar-besaran' orang-orang Minangkabau di Negeri Sembilan, sehingga beliau menamai kawasan itu 'Peninsula Minangkabau' disamping adanya 'Sumatran Minangkabau'.

Pendapat Tate ini tidak dipersetujui oleh Mohd. Dahlan Mansor dalam kertaskerjanya bertajuk 'Minangkabau dan Negeri Sembilan, Tinjauan Kaitan Sejarah dan Kebudayaan' yang berpendapat migrasi secara besar-besaran dari Minangkabau ke Tanah Semenanjung Melayu, berawal sejak pertengahan abad ke 15 lagi, Suasana politik dan keadaan ekonomi didaerah seberang selat Melaka yang lebih baik dari pada di Minangkabau sendiri, ditambah pula dengan rasa tidak puashati

dikalangan belia terutama atas suasana kampung (ikatan adat yang mempersempit ruang gerak umpamanya) boleh jadi landasan yang kuat untuk pergi merantau.

Mochtar Naim (1971) mengatakan dalam masyarakat Minangkabau tradisional, sejak kecil lagi kanak-kanak lelaki telah digalakkan merantau. Bila kanak-kanak lelaki berumur 6 - 7 tahun, mereka dikehendaki mengaji Quran disurau dan mereka tidur disurau tersebut. Dia dilarang daripada tidur dan tinggal dirumah. Semua bilik dirumah itu diuntukkan untuk perempuan sahaja. Bila mereka dewasa sedikit mereka disuruh untuk merantau untuk mengisi pengalaman, pengetahuan dan kemudahan untuk memulakan alam perkahwinan. Masyarakat akan memandang rendah jikalau mereka selalu tinggal di-kampung dan tidak pergi merantau. Dengan itu merantau telah menjadi sebahagian daripada kehidupan sosial masyarakat Minangkabau sejak dahulu lagi dan ini menjadikan masyarakat Minangkabau adalah masyarakat yang paling tinggi darjah migrasi mereka.

Dikalangan masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan, merantau juga berlaku hingga hari ini. Bila seseorang itu keluar merantau dan bila sudah dapat kerja, dia dijangka akan menghantar 'wang kiriman' kepada ibubapa. Dalam masyarakat Adat Perpatih, anak lelaki itu merupakan sumber ekonomi. Ibubapa boleh menggunakan sebahagian daripada wang ini untuk keperluan mereka dan 'mengenepikan' yang lain

untuk keperluan si pengirim, biasanya untuk hari perkahwinan. Bagi anak-anak Adat Perpatih, mengirim wang kepada ibubapa menjadi ikrar hidup. Ada yang menolong secara tetap hingga kahwin. Selepas itu menolong ala kadar sahaja. Kalau gajinya besar, pertolongan diberi sampai akhir hayat ibubapa. Mereka tidak dipaksa. Cuma dilahirkan dalam suasana begini. Anak yang tidak ingat ialah "anak yang tidak berguna".

Dalam tempuh merantau, sesorang itu tidak menjadi anggota orang tempat semenda yang effective. Sebagai orang semenda ia merupakan orang Semenda Bebas. Hubungan dengan keluarga tidaklah putus. Utus mengutus surat dilakukan sekurang-kurangnya sebulan sekali. Ibubapa dan sanak saudara juga, bila ada kesempatan, melawat keluarga-keluarga yang dirantau. Orang-orang yang merantau dianggap dan diharap akan pulang berhari-raya dikampung. Mereka juga balik kampung jika ada kematian atau jika ada upacara-upacara meriah terutama sekali kenduri kahwin. Lagipun waktu kenduri kahwin banyak anggota keluarga yang merantau ditempat-tempat lain yang balik. Jadi upacara perkahwinan merupakan sebagai masa perjumpaan bagi anggota-anggota yang merantau. Anggota-anggota perempuan pula setakat yang boleh pulang untuk menolong pada musim padi samada menyangkul atau menuai. Kerap juga suami menghantar isteri mereka pulang untuk bersalin supaya dapat pertolongan dan tunjuk-ajar orang tua-tua.

2.2 Sebab-Sebab Berlakunya Migrasi Masakini

Didalam kajian pengkaji, dapat dibuat kesimpulan bahawa terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan penghijrahan berlaku di Kawasan ini. Faktor-faktor itu seperti faktor ekonomi, politik dan sosio-budaya.

Sebelum diuraikan dengan panjang lebar akan faktor-faktor itu, terlebih dahulu kita akan melihat data yang menunjukkan bilangan dan peratusan yang berhijrah.

Jumlah Penduduk	= 380 orang
Bilangan Berhijrah	= 151 orang
Bilangan penduduk sepatutnya tinggal dikampung	= 531 orang
Peratus berhijrah	= 28.4%
Bilangan lelaki berhijrah	= 95 orang
Bilangan perempuan berhijrah	= 56 orang

Dari 60 buah keluarga yang dikaji iaitu seramai 380 orang, boleh dikatakan tiap-tiap satu keluarga itu terdapat 3 - 4 orang yang telah merantau yang pada keseluruhan berjumlah 29.4% daripada seluruh bilangan penduduk. Kebanyakan yang merantau terdiri daripada lelaki dan ini adalah fenomena yang biasa didalam Adat Perpatih kerana kehendak adat tersebut. Kaum perempuan merantau samada untuk pekerjaan atau mengikut suami dan ini hanya fenomena sementara sahaja kerana mereka akan berpindah ketempat asalnya setelah mereka telah bersara. Didapati juga bahawa mereka yang berpindah adalah kebanyakannya yang berumur antara 15 - 35 tahun.

Hal ini selaras dengan pendapat John F Connel (1968) yang mengatakan bahawa "Dimana sahaja, migrasi tertumpu pada penduduk kampung yang berumur 15 - 30 tahun". Kebanyakannya berhijrah ke bandar-bandar yang berdekatan seperti Seremban dan Kuala Lumpur. Ini mungkin disebabkan oleh kerana mereka mempunyai saudara mara mereka dibandar-bandar tersebut. Dengan demikian, tempat tinggal tidak menjadi masalah pada mereka yang berhijrah. Ini menyenangkan mereka untuk berhijrah.

(a) Sebab-Sebab Ekonomi/Ekologi

Faktor ekonomi adalah faktor yang paling penting berbanding dengan faktor-faktor lain yang menyebabkan penduduk disini berhijrah. Dalam masa tradisional, kita telah dapat melihat bagaimana orang-orang muda sangat suka merantau walaupun pekerjaan sawah padi adalah mencukupi untuk keperluan hidup sehari-hari mereka. Ini adalah disebabkan mereka memerlukan lain-lain kemudahan untuk mereka dapat berdiri diatas kaki sendiri dan dapat membantu keluarga mereka bila-masa mereka diperlukan sangat. Keperluan untuk merantau adalah sangat tinggi atas alasan ekonomi dimana penampungan pekerja untuk bersawah padi adalah sangat sedikit. Jadi, kawasan dimana sawah-sawah padi masih dapat menampung dan mengeluarkan hasil pendapatan yang tinggi, bilangan yang berhijrah adalah sangat kurang sedangkan dikawasan sawah padi yang tidak dapat menampung keperluan tenaga pekerja, bilangan yang berhijrah adalah sangat tinggi.

Ditempat kajian, keadaan sedemikian juga berlaku. Faktor ekonomi telah menjadi faktor utama yang mendorong belia-belia disini berhijrah. Ini ditambah pula dengan sistem ekonomi kapitalis dimana penggunaan wang tunai adalah menjadi sangat penting didalam penghidupan seharian. Dengan itu, dengan secara tidak langsung membuatkan belia-belia yang tidak bekerja pergi keluar untuk mendapatkan sebarang pekerjaan. Ini penting kerana mereka mesti mendapatkan pekerjaan kerana kini pekerjaan adalah sukar dan ramai yang memburunya. Dikampung ini, pekerjaan adalah sangat terhad dimana pengeraaan sawah padi telah tidak diusahakan lagi dan kini ianya telah terbiar.

Ada beberapa faktor yang menyebabkan tanah-tanah sawah terbiar. Diantaranya ialah pembahagian tanah yang menyebabkan keluasan tanah sawah itu bertambah kecil dan ini menimbulkan tidak ada sebarang initiatif untuk mengusahakannya. Satu lagi faktor yang paling utama ialah faktor ekologi. Menurut Mochtar Naim (1974) keperluan untuk migrasi adalah negatif bilamana ekologi adalah sesuai dan tanah adalah sangat baik untuk pertanian. Dan juga keperluan untuk migrasi adalah positif bilamana ekologinya adalah tidak sesuai atau tanah untuk pertanian adalah tidak subur ataupun jikalau ianya subur tetapi ia tidak dapat menampung keperluan makanan untuk penduduk-penduduk disitu untuk jangkamasa yang lama. Ini seperti contohnya disekitar Gunung Merapi dimana tanahnya adalah sangat subur dan sesuai untuk pertanian tetapi disebabkan saiz dalam penduduk adalah sangat tinggi

dari kadar yang dijangkakan maka oleh itu terdapat jurang untuk menampung keperluan makanan mereka. Dengan itu keperluan untuk mereka berhijrah adalah sangat tinggi. Ini juga dapat diperhatikan ditempat kajian ini, dimana tanah sawah disini adalah sangat subur tetapi memandangkan didalam jangkapanjang ianya tidak dapat menampung keperluan kehidupan, maka kebanyakan para belia ini lebih suka berhijrah untuk mencari rezeki yang lebih baik lagi. Dengan itu tenaga untuk pengerajan tanah sawah adalah berkurangan dan lama kelamaan ianya terbiar begitu sahaja.

Satu lagi faktor ekologi yang menyebabkan tanah sawah ini terbiar ialah tiadanya sistem pengaliran yang baik, keadaan tanah yang tidak samarata dan ancaman-ancaman serangga. Sistem talair disini seringkali terputus dan kadang-kadang airnya selalu melimpah ke sawah-sawah dengan banyaknya. Ini disebabkan tiada terdapat kerjasama diantara penduduk disini untuk sama-sama membentulkan talian ini. Masing-masing hanya membersihkan talair dikawasan mereka sahaja dan kadang-kadang mengempangkan air disitu supaya air dapat masuk ke sawah mereka dengan banyaknya. Dengan itu orang-orang lain akan terputus bekalan air dan ini mengancam sawah-sawah mereka. Sawah-sawah disini berdekatan dengan sungai Jempol. Bila hujan terlalu lebat, maka air dari sungai itupun melimpah dan banjir kerap berlaku. Walaupun usaha-usaha mendalami sungai itu dijalankan, tetapi ini tidak memberi kesan. Ini biasanya terjadi pada bulan Disember dimana musim merumput dijalankan.

Ancaman-ancaman dari serangga juga telah merosakkan padi-padi. Serangga-serangga itu seperti tikus, burung, binatang-binatang seperti kambing, lembu dan kerbau. Ini sedikit sebanyak telah menjelaskan pendapatan mereka. Usaha-usaha telah dibuat tetapi kesannya adalah sangat kurang. Keadaan tanah yang tidak samarata pula telah menyusahkan tuanpunya sawah untuk membajak tanah itu dan disamping itu sangat susah untuk mengimbangi air kerana air ini jikalau terlebih atau terkurang akan menjelaskan tanaman itu. Oleh disebabkan beberapa masalah didalam faktor ekologi, maka penduduk disini tidak sangat bergantung kepada penanaman padi dan kini sawah-sawah padi hanya menjadi tempat padang bolasepak untuk kanak-kanak. Dengan itu juga, penghijrahan berlaku.

Dengan itu, para-para belia inipun pergi mencari pekerjaan di-bandar dengan harapan akan mendapat ganjaran dan pendapatan yang tinggi daripada pendapatan dikampung. Kebanyakan daripada mereka bekerja dikilang-kilang sebagai pekerja kilang dan sebahagian mereka memjawat jawatan sebagai pekerja pangkat rendah disektor kerajaan. Dengan demikian, mereka ada pendapatan bulanan yang tetap berbanding dengan pendapatan mereka dikampung yang tidak stabil. Ini kerana hasil pertanian lambat mengeluarkan hasil jika dibandingkan dengan hasil pekerjaan makan gaji. Penghijrahan mereka ini didorong pula oleh galakkan dari kerajaan yang mahu menambahkan tenaga pekerja didalam perindustrian sebagai satu usaha untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Kebanyakan daripada penghijrah adalah terdiri daripada belia-belia yang rendah taraf pelajarannya. Dari 151 orang yang berhijrah itu, cuma 4 orang sahaja yang berpelajaran tinggi iaitu diperingkat Universiti, 12 orang yang bertaraf STP, 41 orang yang taraf SPM, 82 orang taraf SRP dan 12 orang yang berkelulusan cuma setakat darjah enam sahaja.

Taraf Pelajaran	Bilangan
Universiti	4 orang
STP	12 orang
SPM	41 orang
SRP	82 orang
Darjah 6	12 orang
Jumlah	151 orang

Dengan kedudukan ini, dapat dibuat kesimpulan bahawa lebih daripada 70% daripada penghijrah adalah rendah taraf pelajarannya dan mereka banyak menceburkan diri didalam pekerjaan seperti buruh kilang, tentera, polis dan ramai juga yang menyertai rancangan-rancangan Felda atau Felcra.

Banyak juga yang keluar berhijrah untuk menambah harta pusaka. Sepasang suami isteri sejak awal-awal lagi sudah mula memperhitungkan

tanah untuk anak-anak mereka, terutama anak-anak perempuan. Makin ramai anak perempuan makin banyak tanah yang harus disediakan. Juga dengan berhijrah, mereka akan mendapat pekerjaan gaji tetap. Wang tetap yang didapati tiap-tiap bulan ini boleh digunakan untuk memberi pelajaran kepada anak lelaki.

Ada juga yang berhijrah kerana merajuk dalam pembahagian tanah pusaka. Walaupun ia mendapat bahagian tetapi ia rasa kawasannya agak kecil dari yang lain atau ia sengaja diberi kawasan yang jauh sekali dari jalan. Tetapi bilangan penghijrah disebabkan merajuk tidaklah ramai. Ada wanita yang berhijrah kerana mengikut suami bekerja yang masing-masing bertujuan untuk mengukuhkan kewangan mereka.

(b) Sebab-Sebab Sosio-Budaya

Diantara sebab-sebab sosio-budaya yang menyebabkan migrasi berlaku adalah seperti tarikan hidup dibandar. Dibandar terdapat banyak kemudahan dan hiburan. Jadi, mereka ingin turut bersama-sama mengecapi apa yang orang bandar dapat merasakannya. Di-kampung ini, kemudahan dan hiburan adalah sangat berkurangan. Di-waktu malam, mereka hanya tidur dirumah sahaja tanpa berbuat apa-apa. Tempat hiburan seperti Panggung Wayang terletak jauh iaitu di Bahau atau Kuala Pilah. Hanya sekali sekala sahaja pertunjukan pentas atau wayang gambar diadakan dikampung ini. Pertunjukan wayang gambar serupa ini selalunya diadakan oleh agensi kerajaan

untuk menyebarkan propaganda kerajaan dan ini hanya akan ditunton oleh kaum wanita dan orang-orang tua sahaja. Ini tidak dapat menarik minat golongan muda-mudi sekarang ini. Walaupun bekalan elektrik dan air telah ada di kampung ini, tetapi kemudahan seperti ini tidak mencukupi bagi penduduk di kampung ini. Mereka mahukan kemudahan-kemudahan hidup yang lebih dari itu. Ini ditambah lagi dengan kehebatannya peranan mass-media seperti majalah dan suratkhabar yang sering menonjol-nonjolkan cara hidup bandar dengan segala kemudahan dan hiburan yang serba moden dan 'sophisticated'. Ini sudah tentu akan dapat mempengaruhi penduduk kampung untuk mencari penghidupan bandar iaitu dengan berhijrah.

Disamping itu pula, terdapat banyak kemudahan pengangkutan yang akan memudahkan lagi proses penghijrahan. Ditempat kajian ini, terletak cuma 35 batu dari bandar Seremban dan cuma 70 batu dari Bandaraya Kuala Lumpur. Jarak ini adalah terlalu dekat bagi mereka dan ditambah dengan perjalanan bas dan teksi yang tidak berhenti-henti sampai lewat malam. Ini sudah tentu memudahkan perjalanan mereka ketempat yang akan dituju. Lagipun tambang perjalanan dengan menaiki bas adalah tidak mahal dan masih mampu dibayar. Dengan kemudahan yang banyak ini, mereka tidak risau untuk meninggalkan keluarga mereka, jika ada apa-apa yang berlaku kerana mereka boleh balik dengan segera dengan bas atau teksi.

Dorongan dari keluarga atau daripada sanak saudara juga merupakan faktor yang boleh menyebabkan mereka berhijrah. Mereka berhijrah dan tinggal dengan abang atau kakak mereka yang telah dahulu berhijrah daripada mereka. Ini adalah kerana yang berhijrah itu akan menghadapi masalah mendapatkan tempat tinggal dibandar tersebut. Dirumah abang atau kakak mereka itu yang berhijrah akan dapat hidup lebih selesa dan selamat sementara mereka mendapat pekerjaan yang tetap. Oleh itu semua perbelanjaan mereka ditanggung oleh abang mereka. Apabila mereka telah mendapat pekerjaan yang tetap dan kedudukan ekonomi mereka telah teguh, mereka pula mencari rumah sendiri dan berasingan daripada abang mereka. Kini, mereka pula menjadi tumpuan bagi adik-adik mereka pula atau kawan-kawan sekampung mereka. Inilah yang telah mengalakkan migrasi kepada belia dikampung ini.

Bosan duduk dirumah dan bosan kepada alam sekeliling juga boleh menyebabkan penghijrahan boleh berlaku. Ini dikatakan banyak terdapat ditempat kajian ini. Mereka berasa bosan disebabkan oleh tiada-nya aktiviti-aktiviti yang boleh digunakan untuk menghabiskan masa yang terluang. Walaupun ada Persatuan Belia dikampung ini tetapi Persatuan ini tidak bergerak langsung. Sementara dirumah pula, mereka banyak disuruh membuat kerja-kerja yang berat. Dengan itu mereka bertambah bosan oleh sebab tiada aktiviti yang menarik kepada mereka. Oleh itu mereka berhijrah kebandar yang lebih banyak menghilangkan kebosanan mereka.

Faktor adat itu sendiri juga adalah salah satu yang menyebabkan mereka berhijrah. Secara amnya, adat itu sendiri telah memaksa orang berhijrah. Ini ditujukan kepada anak lelaki supaya pergi merantau mengumpulkan harta dan kemudiannya balik ke kampung tempat asal. Ini adalah kerana anak lelaki tidak ada hak didalam pusaka adat. Dengan itu, mereka mesti mencari secara bersendirian segala hartanya. Oleh kerana hal yang tersebut menyebabkan kebanyakan para penghijrah dikampung ini banyak terdiri daripada kaum lelaki.

(c) Sebab-Sebab Politik

Faktor politik yang menyebabkan banyak penghijrahan berlaku ialah disebabkan oleh polisi atau dasar kerajaan. Dasar kerajaan itu ialah membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat yang terkandung didalam 'Dasar Ekonomi Baru' (DEB) yang dilancarkan pada tahun 1970. Kerajaan telah mengalakkan penghijrahan dari desa ke-bandar berlaku disebabkan dibandar mereka mempunyai hasil pendapatan yang tinggi dan taraf hidup yang lebih selesa lagi. Ini adalah satu langkah kerajaan untuk membasmi kemiskinan. Selain itu, dengan adanya orang-orang Melayu dibandar, dapatlah kerajaan menyusun masyarakat dengan mencampurkan berbagai penduduk kedalam satu kawasan. Jikalau tidak, kita dapati majoriti orang Melayu tinggal di desa dan majoriti orang China tinggal dibandar. Ini akan menampakkan perbezaan tempat tinggal kaum yang berbeza. Dibandar juga terdapat pusat birokrasi atau pusat pentadbiran negara. Ini sudah tentu memerlukan banyak tenaga pekerja untuk menguruskan pentadbiran itu. Ini untuk menentukan perjalanan pentadbiran negara berjalan dengan licin dan sempurna.

Dengan itu, kerajaan telah memberi peluang kepada orang-orang Melayu khususnya untuk memegang berbagai jawatan didalam kerajaan.

Bagi kaum wanita pula, mereka merasa juga ada hak untuk bersama-sama lelaki lain untuk bekerja dibandar. Adat sedikit sebanyak telah mengongkong kehidupan mereka. Kini dengan pelajaran yang mencukupi, mereka mampu untuk menjadi ahli politik dan pentadbir yang cekap. Kerajaan kini telah mengalakkan ramai kaum wanita untuk menceburkan diri kelapangan politik. Dikampung, kedudukan mereka tidak terjamin dan peluang untuk mendapat kedudukan yang baik adalah sangat tipis. Bagi mereka politik adat tidak sama sekali menghalang mereka daripada mencapai cita-citanya.

2.3 Penghijrah dan Hubungan Dengan Tempat Asal

Golongan penghijrah dari kampung ini lebih merupakan penghijrah sementara iaitu hubungan diantara penghijrah dengan orang kampung adalah tidak putus sama sekali. Mereka akan kerap balik ke kampung terutama sekali dari kalangan kaum wanita. Mereka ini lebih kerap balik jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Ini disebabkan kaum wanita ini lebih rapat hubungannya dengan keluarga dikampung dan selalunya mereka tidak membuat apa-apa dibandar terutamanya pada hari minggu atau dihari kelepasan am.

Walaupun mereka telah hidup diluar kawasan Adat Perpatih tetapi mereka masih ada hubungan yang rapat dengan kaum keluarga

yang tinggal dikampung dan masih menganggap diri mereka sebahagian daripada masyarakat Adat Perpatih. Mereka berulang-alik ke kampung pada masa-masa yang tertentu seperti pada hariraya, bila ahli keluarga sakit, kemalangan atau kematian, bila ada kenduri kendara yang akan melibatkan ahli keluarga mereka. Pada masa sebagini, mereka terpaksa balik ke kampung kerana itu sudah menjadi suatu kemestian kepada mereka. Inilah masanya mereka berpeluang untuk berkumpul dengan semua keluarga dan masyarakat. Dengan itu, rumah ibubapa itu menjadi penuh dan riuh rendah dengan ketawa semasa mereka berbual sesama sendiri. Masyarakat sekitar juga sangat suka jikalau para penghijrah itu pulang. Ini dapat dilihat dengan pemberian lauk dan kueh untuk dirasai oleh para penghijrah itu. Ini akan menambahkan erat lagi perhubungan diantara mereka sesama mereka.

Ibubapa serta keluarga juga kerap dan selalu datang untuk menziarahi anak-anak mereka dibandar. Mereka ingin melihat dan menziarahi cucu-cicit mereka yang sangat mereka sayangi. Mereka selalunya bermalam dirumah anak-anak mereka untuk merasakan bagaimakah kehidupan mereka yang sebenarnya. Dengan itu, hubungan diantara keluarga dikampung dengan mereka adalah tidak tamat begitu sahaja.

Kemudahan pengangkutan juga telah menyebabkan kekerapan mereka untuk balik ke kampung. Ini seperti adanya perkhidmatan bas, teksi atau kenderaan sendiri. Tambang bas dari kampung ini

ke Kuala Lumpur cuma \$4.40 dan ke Seremban cuma \$2.20 sahaja.

Oleh itu, mereka berasa tidak bimbang akan hal pengangkutan.

Kegiatan balik kampung ini dapat dilihat semasa hari cuti am atau tiap-tiap hari Sabtu di Puduraya, Kuala Lumpur dimana bas menghala ke Seremban dan Kuala Pilah penuh sesak dengan orang ramai yang hendak balik ke kampung.

Dari kajian ini, didapati bahawa fenomena merantau ini di-

galakkan dan tidak dihalang oleh penduduk-penduduk disini. Ia tidak menjadi masalah pada penduduk kampung dan keluarga kerana mereka ada juga menolong bantuan kewangan kepada keluarga mereka dikampung. Dengan itu, ia telah membantu serba sedikit bebanan yang ditanggung oleh ibubapa mereka. Dengan berhijrah, seseorang itu akan mendapat pengalaman, pengetahuan dan memperbaiki lagi kedudukannya didalam masyarakat seperti kata adat :-

Jauh perjalanan banyak pandangan,

Lama hidup banyak dirasa.

BAB 3 : KESAN-KESAN MIGRASI3.1 Kesan Kepada Ekonomi

Kesan yang paling jelas kepada ekonomi akibat penghijrahan yang berleluasa ialah kekurangan tenaga buruh untuk pengkerjaan tanah pertanian. Dikampung ini, sebahagian besar penduduknya adalah terdiri daripada orang-orang tua dan sebahagian kecil daripada kaum wanita. Tenaga-tenaga muda yang diharapkan dapat mengerjakan pertanian semuanya berhijrah ke bandar. Akibatnya usaha penanaman padi khasnya tidak dapat dijalankan sama sekali. Jikalau dahulu penduduk disini mendapat sumber pendapatan utamanya daripada penanaman padi, kini mereka mengalih perhatian kepada pekerjaan menoreh getah, berkebun sayuran, berternak dan bekerja sendiri seperti menganyam tikar dan mengambil upah kerja-kerja kampung.

Dengan kekurangan tenaga buruh untuk pertanian ini menimbulkan kesan yang buruk kepada ekonomi iaitu masalah tanah terbiar. Ia telah menjadi satu isu yang besar kerana ini melibatkan masalah kemiskinan dikampung ini. Data-data dari Jabatan Pertanian Jempol menunjukkan keluasan tanah sawah terbiar adalah sangat besar di kampung ini :-

Luas Tanah Sawah Yang Terbiar Di Jempol

	Luas Tanah Sawah		Luas Tanah Terbiar	
	JPT	Luar JPT	JPT	Luar JPT
JEMPOL	849.8 ha	185.75 ha	756.59 ha	185 ha
JUMLAH	1035.55 ha		941.59 ha	

JPT = Jabatan Parit Dan Talair

Luas Tanah Sawah Terbiar Di Bukit Gombang

	Luas Sawah	Terbiar
Bukit Gombang Lama	35.61 ha	15 ha
Bukit Gombang Baru	20.24 ha	13 ha
	55.85 ha	28 ha

Sumber : Jabatan Pertanian Jempol

Daripada diatas telah menunjukkan bahawa masalah tanah terbiar telah menjadi begitu besar dikampung Bukit Gombang ini. Lebih separuh daripada tanah sawah kini telah ditumbuhi dengan lalang-lalang dan semak-semun. Diantara sebab-sebab tanah terbiar ini menurut Jabatan Pertanian ialah tiada cukupnya tenaga pekerja, tiada tuan tanah dan lebih pentingnya wong dari instansi itu. Ini mungkin kerana

juga hasil pengeluaran getah adalah lebih cepat daripada penanaman padi. Perwarisan tanah sawah pada anak perempuan juga telah menyebabkan keluasan tanah sawah adalah menjadi sebagitu kecil dan ini tidak akan membawa pada inisiatif sesorang itu untuk mengerjakan sawah itu kerana sudah tentu hasilnya adalah tidak seberapa. Ini terjadi pada salah seorang penduduk yang telah ditemubual yang mengatakan diantara mereka adik beradik sering berebut untuk mengerjakan hasil sawah. Ini disebabkan mereka adalah mempunyai keluarga mereka sendiri dan pertengkaran kadang-kadang berlaku diantara mereka. Akhirnya mereka terpaksa melupakan untuk mengerjakan tanah sawah itu untuk mencari satu resolusi yang adil. Dengan itu, menyebabkan tanah sawah mereka adalah terbiar.

Dengan tiadanya pengerajan tanah sawah itu telah menyebabkan kerjasama atau gotong-royong diantara sesama mereka tidak lagi menjelma. Ini akibat migrasi yang paling ketara pada struktur ekonomi. Mereka masing-masing membuat pekerjaan dengan sendirian dengan kerja-kerja yang lebih ringkas dan tidak mengharapkan sebarang pertolongan dari jiran-jiran mereka. Mereka lebih untuk bersaing hebat didalam ekonomi untuk mengumpulkan seberapa banyak kekayaan untuk keluarga masing-masing. Jikalau dahulu pengerajan sawah padi menguatkan perpaduan diantara sesama mereka, tetapi kini ia sudah tiada lagi. Dahulu, institusi menyeraya, merumput, menuai padi dikerjakan bersama-sama dengan diadakan hidangan dan sedikit jamuan tanda pembalasan diatas pertolongan mereka, tetapi kini, mereka lebih pentingkan wang dari institusi itu. Ini mungkin mereka

berpendapat dengan hidangan itu lebih menambahkan kos belanja kerana harga barang kini telah menjadi mahal dan kini mereka lebih mementingkan kerja sendirian dengan menggunakan teknologi moden yang lebih menyenangkan dan cepat dan ini menyebabkan institusi seperti itu tidak lagi diamalkan. Yang berlaku hanya kecil-kecilan sahaja dengan saudara-mara yang terdekat dan jiran-jiran terdekat sahaja. Dengan itu juga, struktur Adat Perpatih yang memerlukan dan mementingkan hidup berkelompok telah merosot akan kepentingannya. Mereka kini hidup dengan tidak mementingkan lagi adat dan lebih kepada ekonomikapitalis yang mementingkan hidup bersendirian. Ini salah satu daripada gejala yang dibawa balik oleh penghijrah yang hidup dibandar dalam ekonomi wang tunai, dimana semangat kerjasama terutamanya adalah sangat merosot sekali. Dan lagi, segala pertolongan mereka diharapkan kepada upah yang bercorak wang tunai. Jikalau dahulu definisi anggota Adat Perpatih tulin ialah seorang yang ada tanah untuk tapak rumah, tanah untuk kebunnya dan tanah untuk bersawah tetapi kini ia telah dipisahkan daripada definisi itu dimana tidak terdapat lagi tanah digunakan untuk bersawah padi, ia kini lebih kepada menjadi kawasan padang bolasepak.

Kini, kebanyakan daripada penduduk disini telah melakukan kerja-kerja seperti menoreh getah, bertanam sayur-sayuran, anyaman dan berternak ternakan. Kerja-kerja ini hanyak dilakukan secara

sendirian sahaja kerana ia telah banyak digunakan dengan teknologi moden yang didatangi khusus untuk pembangunan. Ia banyak dilakukan oleh orang-orang tua yang merupakan sumber pendapatan yang utama selepas pekerjaan padi dihentikan. Selain itu, anak-anak yang berhijrah banyak memberi bantuan kewangan kepada orang-orang tua mereka. Ini disebabkan dibandar mereka telah mendapat upah yang tinggi dan ini membolehkan mereka membantu sedikit kewangan kepada ibubapa mereka. Ini terutamanya diberikan oleh anak-anak yang belum berkahwin. Setelah mereka berkahwin, adik mereka pula mengambil alih untuk menghantar wang kepada ibubapa mereka dikampung. Selain itu, bantuan dari segi material juga banyak diberikan. Ini seperti TV, Peti Sejuk, kerusi-kerusi yang diberikan satelah anak-anak itu membeli yang baru. Ini telah membawa kepada kemudahan teknologi pada kampung secara tidak langsungnya. Jadi didapati kebanyakan daripada sumber pendapatan bagi penduduk disini adalah datangnya daripada anak-anak mereka yang telah berhijrah. Bagi anak-anak mereka yang berhijrah disebabkan memasuki Rancangan Felda, mereka membawa balik hasil-hasil pertanian seperti sayur-sayuran, kelapa, buah tembakai, lada dan seumpamanya yang boleh dibuat makanan untuk orang tua mereka dikampung. Oleh itu, menjadi satu kesan yang baik dari segi ekonomi orang-orang kampung akibah daripada penghijrahan mereka ini.

Penghijrah-penghijrah juga telah membawa satu bidang ekonomi yang baru pada penduduk disini. Pekerjaan itu seperti perniagaan secara kecil-kecilan yang banyak dibawa oleh anak-anak muda khususnya.

Ini adalah seperti menjual burger, menjual goreng pisang dan juga minuman. Mereka membina gerai-gerai yang kecil yang ditempatkan ditepi-tepi jalan. Ini adalah pekerjaan yang sering terdapat di bandar-bandar besar sahaja tetapi kini ia telah meresap masuk ke kampung. Ini dibawa oleh anak muda yang melihat fenomena itu di bandar dan terus mencubanya dikampung mereka. Ini adalah satu langkah kepada bidang perniagaan yang sering dilaungkan oleh pihak kerajaan. Adalah didapati bahawa perniagaan seperti itu adalah sangat menguntungkan. Ini adalah satu kesan positif yang dibawa oleh anak muda didalam ekonomi perniagaan.

Selain itu, terdapat kesan negatif pada anak-anak muda di dalam perniagaan. Ini ialah bermiaga dadah. Ini adalah satu kesan yang dibawa oleh anak-anak yang berhijrah dibandar. Mereka telah mempengaruhi rakan-rakan mereka dikampung dan menjadikan orang-orang kampung mereka sebagai alat untuk mereka mengedar dadah. Dikampung mereka senang untuk mempengaruhinya terutama rakan-rakan mereka yang menganggur. Didapati ditempat kajian ini, telah ada pengaruhnya walaupun tindakan telah diambil tetapi ia tidak memberi apa-apa kesan. Ia memberi kesan yang buruk kepada kampung ini dan kini kampung ini telah ditandakan sebagai 'kawasan hitam' oleh pihak polis Negeri Sembilan.

Bagi kaum wanita pula, mereka juga turut menceburkan diri didalam perniagaan. Ini seperti perniagaan menjual kain baju. Ini menjadi satu punca kewangan bagi mereka. Idea ini pada dasarnya

diperolehi dimasa berhijrah dahulu terutamanya oleh isteri-isteri pegawai kerajaan dan tentera iaitu semasa menduduki kem atau kuarters-kuarters. Kini ia telah berkembang dikampung pula. Ia banyak membeli pakaian itu di Singapura dimana harga barang-barang tersebut di negara itu adalah jauh lebih murah daripada di Malaysia. Kemudian mereka menjualnya dikampung-kampung atau di Tanah-tanah Rancangan Kerajaan. Ini kebanyakannya dibantu oleh suami dan anak-anak mereka. Satu lagi perniagaan bagi kaum wanita khususnya ialah 'main kutu' iaitu berbentuk perkongsian wang dibeli sesuatu barang seperti permaidani, pinggan-mangkuk, alat-alat dapur. Ini adalah satu bidang yang baik kerana semangat bersatu padu dapat dilihat dengan adanya perkongsian ini walaupun kadang-kadang terdapat sedikit pertelingkahan tentang wang yang tidak dibayar oleh ahli-ahlinya. Oleh itu dapat dikatakan segala perniagaan seperti itu adalah didasarkan kepada kehidupan dibandar yang dibawa balik oleh para penghijrah dikampung.

Akibat daripada pembangunan yang pesat dikampung ini pihak kerajaan telah membina gerai-gerai dan sebuah pasar dikampung ini. Pihak Mukim juga telah membuat satu pasar sehari iaitu pada tiap-tiap hari rabu untuk penduduk kampung ini menjual keuh mueh dan sayur-sayuran. Ini sudah tentunya mendatangkan satu sumber ekonomi yang baik pada penduduk itu. Pekan rabu ini juga selain daripada mendatangkan pendapatan pada penduduk ia juga untuk interaksi diantara penjual-penjual berkenalan dan bertegur sapa dan cuba untuk

mengeratkan persahabatan diantara mereka. Kebanyakannya menjaja itu adalah terdiri dari kaum wanita yang sudah tua kerana sejak dari dahulu lagi wanita-wanita seperti ini berminat untuk bermiaga secara kecil-kecilan. Pihak kerajaan juga telah membina kolam-kolam air ikan tawar bagi pemohon-pemohon yang ingin memelihara ikan. Ini telah mendapat sambutan yang mengalakan dari penduduk disini. Ini dikerjakan oleh orang-orang muda yang pekerjaan itu adalah secara sambilan sahaja. Ini terutamanya untuk mempergunakan tanah sawah yang terbiar dan digantikan dengan kolam supaya ia tidak membazir. Segala bantuan ini datangnya dari Jabatan Pertanian Jempol. Inilah salah satu cara yang paling berkesan untuk mengatasi masalah tanah terbiar. Selain itu, ada juga dibuat penanaman jagung, tembakau diusahakan. Jadi, kini tanah-tanah sawah telah digantikan dengan usaha yang lebih baru dengan menggunakan teknologi yang moden yang disokong oleh kerajaan.

Bagi pasangan laki-bini yang merantau, mereka akan berdikit-dikit untuk menyimpan wang. Merantau bermakna mencari rezeki. Rezeki mestilah ada tanda-tanda materialnya seperti membeli tanah, membeli tanah sawah, membetulkan rumah, menambah rumah, kerbau, lembu, pinggan mangkuk. Pendekata, bila balik kampung mesti ada tanda kejayaan merantau seperti gelang berbaris dilengan, leher anak berloket, tangan anak bercincin. Bagi pemuda-pemuda pula seluar baru, baju baru, cermin mata, kamera bersandang dibahu, rokok. Mereka berusaha betul membuat rumah, menambahnya atau membetulkan walaupun mereka ada masa sepuluh tahun lagi akan pencer. Sementara tarikh itu sampai, rumah itu dijaga oleh ibubapa.

Ibubapalah yang menolong mengemas, membentulkan atap yang bocor, menyangkul rumput yang panjang. Kadang-kadang ibubapa sendiri tinggal dirumah berkenaan. Tetapi kalau anak banyak merantau dan rumah banyak hendak dijaga, ibubapa tinggal disebuah rumah (selalu-nya rumah anak sulung) dan berbahagi tidur dalam seminggu dirumah-rumah yang lain itu. Dalam masyarakat ini, kalau banyak anak merantau, ibubapa tidak perlu rumah sendiri. Mereka boleh menunggu rumah anak sulung. Bila anak sulung balik sesudah tamat suami bekerja, boleh pindah menunggu rumah anak yang kedua dan seterusnya. Bila sampai keanak yang bongsu balik, akhir hayatpun sudah sampai. Dengan itu didapati bahawa walaupun mereka merantau tetapi mereka banyak menolong ibubapa mereka dikampung. Ia tidak lagi mendatangkan apa-apa masalah pada ibubapa dan orang-orang kampung dari segi ekonomi khususnya. Mereka akan sanggup menolong keluarga mereka dikampung diwaktu adanya sebarang kesusahan seperti kewangan. Didapati, mereka memberi bantuan kewangan kepada adik-adik mereka yang masih bersekolah pada tiap-tiap bulan. Ini akan menyenangkan sedikit kepada ibubapa. Dan dimasa cuti sekolah, adik-adik mereka dibawa ke tempat mereka untuk duduk dengan mereka. Oleh itu sebarang keperluan ekonomi adalah banyak ditanggung oleh para penghijrah dan ini memberi suatu taraf yang tinggi kepada ekonomi kampung khususnya.

3.2 Kesan Kepada 'Rites de Passage'

(a) Perkahwinan

Perkahwinan dalam masyarakat Adat Perpatih adalah diluluskan diantara dua pasang, lelaki dan perempuan yang berlainan suku. Perkahwinan bukan sahaja mendatangkan faedah peribadi tetapi juga mendatangkan faedah kepada keluarga dan suku. Perkahwinan membawa 'kesuburan suku'. Ikatan antara keluarga dan antara suku bertambah erat. Perkahwinan merupakan faktor yang mengikat sistem bersuku kepada satu keseluruhan yang utuh.

Menurut Nordin Selat (1976) kahwin sesuku merupakan kesalahan 'besar' dan dinamakan 'sumbang'. Ada dua jenis sumbang. Pertama adalah sumbang sebaris iaitu berkahwin sesuku tetapi lain perut. Hukuman sumbang sewaris ialah rampas harta pesaka. Undang boleh juga menjatuhkan denda 50 gantang beras, kerbau saekor , wang \$14/-. Keduanya ialah sumbang sekedim iaitu berkahwin dalam perut sendiri dikenali sebagai 'sumbang balai melintang'. Ianya sebesar-besar kesalahan dan hukuman adalah rampas segala harta benda. Disetengah tempat pada suatu masa dahulu dijatuhkan hukuman bunuh.

Hidup tak terpelihara

Mati tak tanam

Harta diambil

Tuan dibunuh.

Terdapat satu atau dua kes tentang perkahwinan sesuku ini yang terdapat dikampung ini. Ditempat kajian ini, amalan hukuman-hukuman sebagini masih tetap diteruskan tetapi hanya setakat denda dari segi material saja. Orang ramai lebih senang membayarnya dengan wang dari segi material seperti kerbau. Hukuman yang sebenarnya tidak dijalankan dengan sepenuhnya. Orang tidak lagi menghiraukan hukuman itu kerana ia tidak memberatkan dan masih mampu untuk membayarnya. Ini disebabkan pendapatan mereka kini lebih tinggi. Kebanyakan yang berkahwin sesuku ini adalah banyak dari golongan penghijrah yang masih belum mendalam lagi pengetahuannya didalam adat.

Jikalau dahulu, orang-orang tua mereka yang mencarikan pasangan hidup mereka, tetapi kini dari akibat dari proses modenisasi dan migrasi itu menyebabkan mereka yang memilih sendiri dan ibubapa mereka kini merestuinya. Mereka selalunya memilih dimasa mereka bekerja dibandar dan mereka membawa balik ke kampung dan terus diadakan upacara peminangan. Mereka menurut sahaja apa sahaja yang anak mereka lakukan kerana anak-anak mereka yang berkuasa dan mereka juga yang membelanjakan segala perbelanjaan perkahwinan mereka. Anak-anak perempuan kini tidak lagi merisaukan akan perkahwinan dan umur mereka berkahwin juga kini lewat tidak seperti dizaman dahulu dimana umur 13 - 15 tahun adalah masa yang sesuai untuk berkahwin. Kini umur 24 - 26 tahun mereka masih lagi menganggapnya masih muda dan belum layak lagi berkahwin. Ini disebabkan oleh taraf pelajaran yang bagitu luas dan kedudukan ekonomi mereka yang belum teguh. Mereka juga yakin lambat laun mereka akan berkahwin juga.

Inilah salah satu daripada perubahan yang jelas pada anak-anak perempuan dikampung ini diakibatkan oleh migrasi yang berlaku.

Sebahagian besar dari perkahwinan yang dijalankan disini dibuat mengikut kebiasaan dan adat resam melayu. Yang terpenting ialah upacara meminang, bertunang dan berkahwin. Tiap-tiap upacara itu diadakan sedikit kenduri dengan sedikit jamuan. Cuma upacara berkahwin dijalankan secara besar-besaran. Kini upacara meminang dan bertunang dibuat serentak dengan upacara berkahwin. Ini adalah untuk menjimatkan perbelanjaan. Upacara merisik kini telah ditiadakan lagi disebabkan diantara bakal pengantin telah saling kenal mengenal ditempat berhijrah. Mereka hanya berunding untuk menetapkan hari perkahwinan sahaja. Inilah yang selalu dibuat oleh penduduk disini dan kadang-kadang cincin bertanya juga tidak dibawa bersama kerana mereka tahu pihak yang lagi satu tentu akan bersetuju.

Dalam persiapan untuk perkahwinan, pada kebiasaannya tenaga kerja bagi penduduk kampung diperlukan terutama untuk membuat khemah, mencari kayu api, membuat pelamin dan sebagainya. Tetapi kini akibat migrasi, tenaga untuk kerja itu tidak mencukupi disebabkan tiada cuti dalam pekerjaan. Oleh itu, penduduk disini mengambil satu resolusi yang baru iaitu mengupah sahaja kepada pihak-pihak yang tertentu. Ini adalah satu perubahan yang drastik yang dilakukan akibat proses migrasi. Jikalau adapun tenaga kerja, perbelanjaan yang banyak terpaksa dikeluarkan oleh pihak tuanrumah kerana tiap-tiap satu upacara

itu memerlukan sedikit jamuan seperti 'berkayu akar' dan memasang khemah. Padahal tenaga yang dikeluarkan adalah tidak seberapa. Tuanrumah juga terpaksa menyediakan dahulu segala persiapan yang diperlukan untuk upacara itu seperti menyediakan buluh untuk khemah, mencari kayu api kerana orang yang datang bekerja hanya tahu memasang sahaja dan tidak mencarinya bersama. Ini disebabkan masing-masing mempunyai tugas mereka masing-masing dirumah. Ini telah menjelaskan semangat kerjasama dan gotong-royong diantara masyarakat dikampung ini dan pengkaji mendapati semangat kerjasama ini semakin pudar dikalangan orang kampung.

Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa pertolongan dari kaum wanita adalah banyak diberikan. Ini seperti meminjam pinggan mangkuk, membuat pelamin, memasak lauk dan membuat kueh mueh. Ini adalah satu semangat yang sangat baik dan masih lagi diteruskan hingga ke hari ini. Kadang-kadang terdapat juga sedikit perselisihan faham dikalangan dari mereka pada hari memulangkan segala alat itu. Ini mungkin kerana tersalah bahagi dan ada yang telah pecah. Tetapi segala ini akan dapat diatasi jikalau masing-masing sedia bertolak-ansur diantara sesama mereka. Pertolongan dari ahli keluarga juga banyak diperlukan. Tiap-tiap seorang ahli keluarga itu memberi sedikit bantuan kewangan diatas perkahwinan itu. Ini memberi satu kesan dan faedah kepada keluarga dan memberi satu taraf kepada keluarga dari segi ekonomi.

Upacara bersanding kini banyak telah ditiadakan oleh masyarakat. Ini disebabkan ianya pada pendapat ugama adalah haram iaitu kerana mempertunjukkan kepada orang ramai akan wajah isteri. Dengan itu, ia telah tidak mendapat sambutan lagi. Ini terutamanya kepada keluarga-keluarga yang kuat didalam ugama. Tetapi akadnikahnya tetap diadakan sebab ia adalah suatu daripada rukun nikah. Bagi penghijrah yang membuat perkahwinan dibandar-bandar, suasana upacara itu adalah sangat berlainan daripada dibandar. Mereka yang mampu membuatnya di hotel-hotel besar dan para tetamunya adalah terdiri daripada sahabat-sahabat dan kaum keluarga yang rapat sahaja. Dengan itu segala adat istiadat tidak dipakai lagi kerana cara perkahwinan itu lebih bercorak kebaratan. Dengan itu didapati mereka yang membuat perkahwinan dibandar, tidak mengenali akan saudara-mara mereka dibandar dan hanya balik sekali sekala sahaja dikampung.

Suatu unsur luar yang dibawa oleh para penghijrah ke kampung dalam hal perkahwinan ialah barang-barang hantaran dari lelaki kepada pihak wanita. Mengikut Adat Perpatih, perkara ini tidak timbul langsung dan hanya yang ada ialah mas kahwin sahaja. Hantaran kini telah mencapai beribu-ribu ringgit iaitu dinilai dari segi taraf dan kedudukan sesorang wanita itu. Disamping itu ada hantaran sampingan seperti barang-barang, kueh-mueh, kain baju, dan berbagai lagi. Pada pendapat pengkaji, perkara ini memang baik dilakukan disebabkan kita dapat menghormati sesorang wanita yang kita akan kahwini dengan memberi mereka keperluan-keperluan yang asas dan ianya juga akan

menjadi hakmilik mereka berdua juga. Jadi, kita akan dapat menilai dan menghormati wanita yang kita akan kahwini. Kini ia telah menjadi satu kebiasaan kepada ahli-ahli masyarakat Adat untuk mengadakan hantaran ini dan disamping itu kaum perempuan itu juga membalaunya juga dengan hantaran balasan sama seperti yang pihak lelaki berikan kepadanya. Inilah satu ciri yang dibawa oleh migrasi.

Satu lagi unsur yang dibawa oleh para penghijrah ialah muzik kugiran dengan disertai dengan joget pada waktu malam hari perkahwinan. Ini terutamanya dibawa oleh para anak muda yang terutamanya belajar bermain muzik dibandar. Ini adalah satu pengaruh yang kurang sihat kerana ia boleh mendatangkan perkara-perkara yang kurang sopan seperti maksiat. Ini kononnya untuk memeriahkan lagi majlis perkahwinan itu kerana jikalau tidak ada muzik majlis itu akan menjadi begitu sunyi sedangkan pada hari itu kita meraikan pengantin yang akan masuk ke alam rumah tangga. Ini berbeza keadaannya diwaktu dahulu dimana merhaban, kompong, berzanji diadakan pada waktu malam yang disertai oleh orang-orang tua dikampung itu.

Kebanyakan perkahwinan dimasa kini diadakan pada waktu-waktu yang tertentu. Ini seperti hari minggu, waktu cuti sekolah dan dihujung-hujung bulan dimana gaji pekerja baru dapat. Ini disebabkan untuk mengumpulkan segala ahli keluarga untuk sama-sama berkumpul dan menghadiri majlis itu. Mereka semua bekerja dibandar dan susah jikalau deadakan selain daripada waktu itu. Tetapi dizaman dahulu, perkahwinan

diadakan dimusim selepas menuai padi dimana beras banyak didapati dan ini meringankan beban kepada tuanrumah. Dengan itu, sesorang yang hendak melakukan upacara perkahwinan haruslah betul-betul mencari dan menetapkan suatu hari yang mana semua pihak ada kelapangan. Jikalau tidak, majlis itu tidak akan ada tetamu yang datang. Oleh itu, banyak didapati kes terutama diwaktu cuti sekolah dimana disebuah kampung itu terdapat dua buah rumah melakukan majlis perkahwinan serentak dimana masing-masing ada kelapangan diwaktu itu. Ini banyak bergantung kepada anak-anak yang berhijrah dimana jikalau tidak ada mereka ini, maka akan berkuranganlah 'orang pangkal' yang akan menguruskan segala persiapan pada hari tersebut.

Peranan 'orang pangkal' didalam hal perkahwinan juga menjadi merosot sekali pada masa kini. Ini disebabken mereka tidak tahu apa yang hendak dibuat dan untuk mengarahkan orang lainnya mereka tidak mengenali secara rapat sebab mereka tidak selalu balik ke kampung. Oleh itu, kebanyakan peranan itu diambil oleh kaum-kaum belia dikampung itu dan banyak penduduk disini memberi upah untuk memasak nasi, penghidangkan makanan, membasuh pinggan kepada Persatuan Belia Kampung ini kerana ahli 'Orang Pangkal' adalah sangat kurang. Pada sepatutnya Orang Pangkallah yang melakukan semua pekerjaan seperti ini. Inilah kesan migrasi yang menyebabkan kekurangan tenaga untuk bekerja.

Disebabkan upacara perkahwinan ini diadakan hanya satu hari sahaja maka upacara menyalang tidak dapat diadakan seperti yang sepatutnya diadakan. Mereka terpaksa pulang ke tempat tinggal mereka di-

bandar pada sebelah petangnya sebab pada keesokan harinya mereka harus bekerja. Dengan itu, upacara menyalang atau menyembah tidak dapat diadakan. Ini akan menjelaskan perhubungan dan perkenalan diantara pengantin dengan saudara-maranya. Sepatutnya mereka patut menziarahi kesemua saudara-mara mereka dan memperkenalkan isteri mereka supaya mereka dapat kenal mengenal diantara satu dengan yang lain. Dengan itu terjadi perenggangan dikalangan ahli-ahli akibat tidak adanya upacara menyembah ini. Ini adalah kesan daripada migrasi dimana cuti kerja bagi mereka adalah tidak lama.

Dengan itu didapati daripada proses migrasi didapati banyak perubahan-perubahan dilakukan didalam upacara perkahwinan. Kebanyakan perkahwinan kini diadakan secara ringkas sahaja disebabkan harga barang yang telah mahal disamping masa yang tidak mengizinkan. Ini banyak diberitahu oleh anak-anak mereka yang mempunyai pelajaran dan pengetahuan yang tinggi yang mana perbuatan membesarkan perkahwinan itu adalah suatu perbuatan yang membazir dan kelak akan membebankan mereka sahaja. Yang penting bagi mereka ialah pasangan yang bahagia dengan diadakan sedikit jamuan untuk menjamu para tetamu.

(b) Perceraian

Sebagaimana perkahwinan mengikut adat dibuat secara berperaturan dan tertib, maka demikianlah juga perceraian, dilakukan dengan hormat, berlambangkan kesopanan adat. Misalnya jika ditakdirkan berlakunya keretakan dalam perkeluargaan suami-isteri yang harus terjadi dengan

perceraihan, keluarga suku siisteri, tempat semenda, besar atau seterusnya Buapak harus dipanggil bagi merundingkan dalam dasar kata "tidak ada kusut yang tidak boleh diselesaikan",. Keputusan muktamad menjatuhkan talak adalah langkah yang akhir iaitu perdamaian sudah tidak mungkin lagi tercapai. Silelaki yang ianya pada hari kahwinnya dahulu dijemput dengan bertepok sireh, maka bukanlah mudah pula dia akan turun dari rumah isterinya sewenang-wenangnya begitu sahaja. Dia akan menjatuhkan keputusan akhir (menceraikannya) isterinya secara bertartib dihadapan tempat semenda (tertib ini sebahagian kecil yang dijalankan akibat adanya perubahan zaman) dalamana rugi/laba selama bersatu disebut dan diselesaikan mengikut adat.

Jika perkahwinan itu menghasilkan anak, harta carian suami-isteri tidak dibahagi, ditinggalkan semua pada isteri untuk membela anak. Dalam perceraian dimasyarakat Adat Perpatih, anak tetap tinggal dengan isteri. Oleh itu Adat berkuasa menahan harta kerana anak. Sisuami keluar dari rumah isteri dengan pakaianya sahaja.

Apabila sesorang lekali telah bercerai, maka baliklah ia menjadi tanggungan emak atau saudara perempuannya. Ia berhak menumpang makan daripada hasil harta pusaka sehingga berkahwin lagi. Sebabnya ialah pada dasarnya semua perbelanjaan kematiannya akan ditanggung oleh saudara perempuannya. Inilah salah satu kebaikan daripada pembahagian harta pusaka kepada anak perempuan.

Tetapi kini perceraian itu tidak banyak yang mengikut adat-adat lagi. Ini terutamanya kepada golongan penghijrah kerana ilmu pengetahuan dan cara-cara penceraian didalam adat tidak diketahui dengan mendalam. Kini, mereka hanya menceraikan isteri mereka di-depan kadhi sahaja. Selepas itu mereka menghantar balik isteri mereka dikampung atau kadang-kadang membiarkan sahaja isterinya balik seorang. Mereka tidak dapat memberitahu pada buapak atau ketua-ketua adat di-tempat mereka sebab mereka juga sibuk dengan pekerjaan sehari-hari mereka. Jikalau mereka dapat mengatasi segala sengketanya dengan isteri mereka, mereka akan lakukan dengan cara sendiri. Berbeza dari zaman dahulu dimana segala sengketa dalam rumah tangga di adukan kepada ketua adat untuk mereka sama-sama atasinya.

Tentang pembahagian harta selepas bercerai, mereka kini mengikut konsep harta masing-masing. Harta carian suami dippunyai oleh suami dan semua harta isteri dippunyai oleh isterinya. Yang penting bagi suami hanyalah nafkah hidup iaitu berupa wang yang diberikan pada tiap-tiap bulan. Ini adalah disebabkan undang-undang negara sekarang. Jikalau seorang suami tidak memberinya, ia boleh didakwa dimahkamah. Bagi anak pula, mereka masing-masing boleh menjaganya dan bergantung kepada keputusan mahkamah. Masing-masing hendak menjaga anak-anak mereka dan ini selalunya berlaku sengketa diantara kedua suami isteri.

Dengan itu didapati perceraian bagi ahli masyarakat Adat kini tidak mengikut adat yang sebenarnya. Ini disebabkan oleh adanya peranan

Tok Kadhi yang berurus dengan hal perceraian di Malaysia. Para penghijrah pula ada yang tidak tahu cara perceraian Adat Perpatih dan pada biasanya mengikut cara-cara perceraian mengikut undang-undang negara.

Malah segera spesialisasi dibentuk bagi membantu mereka yang ingin




Jawatankuasa Gifertuan Daulat ini adalah badan yang dapat mengambil alih urusan yang berkaitan dengan Yuridik Radin. Jawatankuasa ini turut menumpukan pada isbatah bahawa yang berada di bawah wewenang Imaiaki Yuridik Radin dikelir dari nisab haja sebaik. Sesetengah perbuatan boleh dilakuk secara sah di luar hal tersebut. Maka ia menjadi 'halalan' iaitu tempat rayuan yang bertambah mudah, walaupun bila diajukan. Begitulah sebabnya yang berlaku mengikutnya jawatankuasa "pedang pemotong pada keadilan". Dalam hal ini, maka pun mengikut sentiasa maklumnya, baginda berlajur dengan hasil kerja.

Undang dicantikkan dari suku-suku dan ibu-ibu yang masih muda sebanyak sebelas iaitu Raja Syahruddin, Raja Sulaiman, Sultan Hassan,

BAB 5 : KESAN DARI SEGI POLITIK

4.1 Struktur Kekuasaan Tradisional

Struktur pemerintahan dalam struktur **Adat Perpatih Traditional** adalah seperti gambarajah dibawah :



1. Yang Di Pertuan Besar
2. Undang
3. Lembaga
4. Buapak
5. Anak Buah

Jawatan Yang DiPertuan Besar dipilih oleh Undang yang Empat daripada calun-calun yang layak dari keturunan Yamtuan Radin. Jawatan Yamtuan ini turun menurun cuma dalam ertikata bahawa yang berhak iaitu keturunan lelaki Yamtuan Radin dikira dari nisab bapa sahaja. Yang DiPertuan Besar tidak turut campur dalam hal ehwal luak. Baginda menjadi 'keadilan' iaitu tempat rayuan yang tertinggi sekali, hanya bila dipohon. Baginda sahaja yang berkuasa menjatuhkan hukuman bunuh "pedang pemancung pada keadilan". Dalam hal ehwal kerajaan Negeri Sembilan seluruhnya, baginda bekerjasa dengan para Undang.

Undang dicalunkan dari suku-suku asal atau suku yang pertama sekali iaitu **Suku Biduanda**. Kuasa Undang termasuklan melantik Menteri

Besar, melantik Ahli Majlis Mesyuarat Negeri, memberi persetujuan untuk membuat Dewan Negeri, bertanggung-jawab dalam hal agama Islam dan adat istiadat melayu, memberi persetujuan kepada pelantikan orang-orang berpangkat, mempersetujui rang undang-undang, menjaga kedudukan dan hak istimewa orang melayu. Dalam segala hal, Undang mesti tahu dan mengikut Adat. Kalau tidak "Orang beradat tidak tahu akan adatnya, gugur pusakanya".

Lembaga pula ialah Ketua Suku. Lembaga dipilih oleh buapak-buapak yang menyuarakan pendapat waris mereka masing-masing. Yang boleh memecat lembaga ialah Undang dengan persetujuan jemaah Adat dan dipersetujui oleh Yang DiPertuan Besar. Lembaga adalah orang terbesar dalam sukunya. Dia mewakili sukunya dalam perundingan dengan Undang. Semua perbahasan dan perubahan adat hanya boleh dilakukan dengan persetujuan Lembaga. Lembaga menyelesaikan semua perselisihan dalam suku yang tidak boleh diselesaikan oleh Buapak. Paling penting dia harus mengenal semua buapak-buapak dibawahnya.

Buapak pula ialah ketua perut. Ia merupakan kata gembelingan dari perkataan ibu dan bapa. Ini melambangkan fungsi buapak ini sebagai penjaga hal-hal keluarga, saolah dia memainkan peranan ibu dan bapa kepada anakbuahnya. Buapak dipilih dengan kebulatan dari anggota-anggota perutnya yang dewasa. Pemilihan itu mestilah disahkan oleh Lembaga. Segala perselisihan faham dalam perut dibawa kepada buapak untuk diselesaikan. Hal itu diselesaikan jikalau dalam lingkungan kuasanya. Jikalau tidak, dipanjangkan kepada Lembaga. Sesaorang anak-buah yang terus mengadu kepada Lembaga tanpa melalui buapak boleh di-

hukum atas kesalahan 'melangkahi' Buapak.

Oleh itu, kuasa bagi sesuatu pemimpin itu tertakluk kepada peringkat yang dipimpinnya . Kalau buapak, beliau memimpin perutnya, kalau Lembaga sukunya. Bagi Undang luaknya dan kalau Yang DiPertuan Besar ialah negerinya. Gembelingan sumbangan mereka inilah yang mengelokkan masyarakatnya. "Elok kampung kerana Penghulu".

Peringkat pimpinan bagi Adat Perpatih berlandaskan dua konsep iaitu muafakat dan budi. Sesuatu keputusan mestilah dicapai dengan muafakat. Semua yang terlibat berhak malah harus memberi pendapatnya. Mereka bertegang leher berdebat bukan untuk menegakkan ego masing-masing tetapi untuk mencari kesempurnaan dan kebaikan bagi masyarakatnya. Dalam mencari kataputus mestilah ada tolak ansur. Yang kalah tidak harus merasa kecil hati atau terhina. Yang menang pula tidak harus bangga dan merasa bongkak. Yang penting ialah kedua pihak telah berbudi kepada masyarakatnya.

4.2 Kekuasaan dan Kepimpinan di Jempol

Didalam peringkat pentadbiran adat dalam struktur Penghulu Luak terdapat satu krisis yang paling besar dalam sejarah adat iaitu krisis pemilihan Datuk Jempol yang masih belum dapat diselesaikan lagi. Sebelum ini pergolakan politik telah juga berlaku iaitu pergolakan

politik tradisi yang berlaku di Mukim Jelebu pada tahun 1980, berhubung dengan pelantikan Undang Jelebu ke 15, Encik Musa Ahmad membawa gelaran Datuk Mandika Akhirulzaman. Perlantikan yang penuh kontroversial itu akhirnya menyebabkan tujuh orang Datuk Lembaga dipecat kerana tindakan mereka memprotes perlantikan itu. Oleh itu dapat dilihat bahawa sistem adat kini adalah teegugat dimana jawatan adat itu boleh dipersoalkan lagi kerana masing-masing telah mencampuradukan adat dengan undang-undang moden. Hal ini mungkin boleh dikaitkan dengan penghijrahan dimana yang berhijrah membawa balik nilai-nilai baru. Diketahui bahawa pembesar-pembesar adat kini adalah kebanyakannya berpelajaran tinggi dan dengan itu mereka akan cuba untuk memasukkan unsur-unsur baru yang mereka pelajari dari pelajaran moden. Bukan seperti zaman dahulu yang kebanyakannya pembesar-pembesar adat tidak ada yang berpelajaran. Mereka hanya tahu akan struktur pentadbiran adat dan dengan itu tidak ada sebarang perubahan didalam pentadbiran adat.

Didalam krisis Datuk Jempol dapat dilihat dengan jelas bahawa cara pemilihan Datuk Jempol juga telah berubah kini akibat daripada sistem demokrasi yang diamalkan oleh negara maka struktur adat juga telah mengikuti cara demokrasi. Ini disebabkan ia difikirkan lebih sesuai dengan keadaan zaman ini.

Kalau dizaman tradisional dahulu, pemilihan Datuk Jempol ialah dipilih dari satu perut suku Biduanda. Prinsip giliran tidak diikut. Pemilihan dibuat oleh Datuk Lembaga. Ini ialah dengan memberi nama

dengan seberapa banyaknya dan ia kemudiannya ditapis sendiri oleh Datuk Lembaga berdasarkan atas budibicaranya dengan berpandukan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti pengetahuan tentang adat, umur dan kebijaksanaan. Selepas itu ia akan ditabalkan oleh Raja untuk disahkan. Dimasa zaman dahulu, orang akan patuh terhadap segala yang dibuat dan setiap keputusan yang diambil oleh ketua-ketua mereka tanpa apa-apa bantahan atau rungutan.

Tetapi kini, terdapat perebutan dan bantahan didalam pemilihan Datuk Jempol. Jikalau dahulu orang tidak akan berebut-rebut akan jawatan Datuk Jempol kerana mereka fikir mereka tidak ada kelayakan untuk memangkunya tetapi kini perebutan untuk menyandangnya walaupun kebanyakannya diragukan. Misalnya antara 5 orang calun Datuk Jempol itu, dua daripadanya iaitu Haji Hashim dan Haji Kadirun tidak layak menjadi calun kalau mengikut aturan Adat yang sebenarnya. Akan tetapi pengaruh ekonomi mereka adalah kuat, maka kedua-duanya masih dicalunkan untuk bertanding. Ini disebabkan kedua-dua telahpun menyandang jawatan adat yang lain iaitu Haji Hashim telah dilantik menjadi syahbandar dan Haji Kadirun dilantik jadi Buapak. Mereka ini telah dapat mempengaruhi ketua-ketua adat dengan cara ekonomi mereka yang teguh. Pada pendapat pengkaji calun-calun ini tidak ada pengetahuan yang mendalam tentang adat kerana mereka ini tidak lama bergaul dengan masyarakat adat disebabkan merantau ditempat lain. Dengan itu, mereka akan cuba mengubahsuai cara pemilihan itu dengan cara yang baru iaitu dengan kedudukan ekonomi mereka.

Kerana kesilapan dan kurang pengetahuan tentang adat oleh Datuk Lembaga suku Biduanda yang dahulu, berlaku kekecuhan didalam pemilihan ini. Datuk Lembaga yang ada sekarang telah merujukan kepada 'Lembaga Waris 12' untuk sama-sama menetapkan Datuk Jempol yang baru. Padahal, mengikut dari segi adat, hal ini tidak sepatutnya berlaku; sepatutnya Lembaga Biduanda sahaja yang berhak menentukan Datuk Jempol, bukannya 'Lembaga Waris 12'. Oleh sebab Lembaga Biduanda pada masa itu baru saja dilantik 2 bulan dan kurang tahu akan cara-cara pemilihan dibuat, maka kesilapan ini berlaku. Dengan itu pemilihan Datuk Jempol itu tidak berdasarkan pengetahuan adat, tetapi mungkin kerana pengaruh ekonomi dan ini menyebabkan kekecuhan. Kesilapan yang berlaku menyebabkan waris 12 menyangka mereka ada hak untuk mengemukakan calun dari suku mereka tetapi ini telah ditolak. Ini menunjukkan akibat migrasi dan kurang pengetahuan tentang adat telah menyebabkan jawatan adat itu boleh disandang oleh mana-mana suku tanpa merujuk kepada cara-cara yang sebenarnya.

Pada 12hb Mei 1983, 'Lembaga Waris 12' telah cuba untuk melantik Datuk Jempol dengan sendiri sahaja tetapi ia telah dibatalkan oleh Duli Yang DiPertuan Besar kerana tiada titah daripadanya. Ini jelas menunjukkan bahawa perintah dari ketua atasan adalah tidak lagi dipentingkan. Mereka berhak untuk membuat sesuka hatinya sahaja tanpa rujukan dari atasan lagi. Ini perlihatkan bahawa pengaruh dari jawatan ketua adat telah merosot. Ini pada pendapat pengkaji adalah disebabkan mereka ingin menunjukkan yang mereka adalah sama-sama boleh mentadbirkan adat.

Mungkin pengetahuan tentang adat adalah tidak mendalam dan dengan itu mereka telah mengambil keputusan yang bertentangan dengan unsur-unsur adat. Pengarah migrasi juga telah menyebabkan hal ini berlaku dimana mereka tidak tahu mengikut saluran-saluran yang tertentu untuk membuat sesuatu hal. Mungkin mereka tidak mendapat panduan dari orang-orang tua yang kini tidak lagi bermingat untuk mengajar tentang adat kepada anak-anak buahnya. Dengan tidak adanya panduan dan ditambah dengan penghijrahan mereka, maka pengetahuan cetek tentang adat adalah jelas sekali.

Krisis dalam pemilihan Datuk Jempoi ini tidak akan tamat selagi muafakat dan kebulatan dalam perundingan tidak ada. Ketua-ketua adat kini sering bertelagah sesama sendiri dan ingin menunjukkan kuasa masing-masing untuk mengatasi sesama sendiri. Ini mungkin disebabkan kini orang sering berebut-rebut akan pangkat dan kedudukan dalam mencapai taraf yang baik. Mereka mengikut prinsip 'Siapa cepat dia yang dapat'. Mungkin juga telah membawa nilai-nilai dari masyarakat luar kedalam sistem adat perpatih. Boleh dikatakan ketua-ketua adat di Mukim ini adalah mereka yang telah merantau untuk sekian lamanya dan hanya balik ketempat asalnya setelah is berumur 56 - 65 tahun. Jadi mereka telah berada diperantauan sejak mereka berumur 20 tahun lagi dan ini menjadikan mereka berada diperantauan selama 40 tahun. Diperantauan mereka jarang balik dan tidak bercampur dengan masyarakat adat dan dengan itu mereka kurang memahami akan struktur adat yang sebenarnya. Dengan itu mereka membawa balik nilai-nilai baru ke dalam struktur adat untuk disesuaikan dengan keadaan zaman kini. Oleh itu berlakulah kekecuhuan seperti yang dialami sekarang.

4.3 Kesan Migrasi Kepada Hubungan Kemasyarakatan

Migrasi juga menyebabkan hubungan kemasyarakatan dikampung ini turut terjejas iaitu hubungan diantara anak buah dengan buapak, lembaga dan ketua waris begitu renggang dan ramai dikalangan mereka tidak mengenali siapakah ketua mereka. Begitu juga semenda menyemenda telah tidak ada peranannya dikampung ini. Ini mungkin disebabkan kesan migrasi dimana mereka jarang bertemu dan tidak pula didedahkan bila mereka sesekali balik kampung.

Umumnya ketua-ketua adat merasakan mereka tidak mempunyai kuasa melaksanakan sesuatu hukuman atau keputusan keatas anakbuah. Kuasa yang ada pada mereka pada masa ini cuma kuasa didalam meneruskan kehidupan adat seperti melantik penganti apabila berlaku kekosongan didalam jawatan-jawatan adat. Walaupun anakbuah kini kurang berminat terhadap soal-soal adat, namun sesuatu kekosongan didalam sesuatu jawatan mesti dipenuhi oleh anggota yang berkenaan. Jika tidak anggota tersebut akan kehilangan hak mereka.

Didalam perlantikan penganti pegawai-pegawai kerajaan dijamput hadir. Didalam perlantikan Yang DiPertuan Besar, Menteri Besar dikehendaki hadir. Didalam perlantikan Undang, kehadiran Pegawai Daerah atau wakilnya diperlukan. Pendekata, terdapat perhubungan yang rapat diatas ketua kerajaan dengan ketua adat didalam luak. Ini menunjukkan institusi pentadbiran kerajaan adalah sama pentingnya dengan struktur pentadbiran adat.

Pada idealnya, soal mengenai tanah pusaka diuruskan oleh Datuk Lembaga, tetapi keadaan ini telah berubah. Segala-galanya telah diambil alih oleh pihak kerajaan. Kedudukan lembaga cuma menjadi saksi. Pada akhir-akhir ini, tanah kampung yang dipusakai turun menurun tidak berapa menarik minat anggota masyarakat. Mereka yang berhijrah dan bekerja dibandar membeli rumah dibandar dan mereka yang menyertai 'Rancangan Tanah Felda' akan tinggal menetap terus disitu. Oleh itu terdapat satu kecenderungan untuk meninggalkan kampung halaman. Apabila orang tua sudah tiada lagi, rumah tersebut akan tinggal kosong. Wanita akan mengikut suami mereka tinggal dibandar atau dirancangan Felda.

Dalam perhubungan diantara Buapak dengan anakbuah dan juga semesta menyemenda terdapat satu krisis atau perbalahan dikalangan ahli-ahli 'Suku Tiga Batu'. Anakbuah sudah tidak menghormati Buapak lagi dan ada juga yang sudah tidak kenal lagi siapa buapak mereka yang sebenarnya. Ini disebabkan kebanyakan generasi muda kini banyak yang merantau dan balik ke kampung sekali-sekala sedangkan pemilehan seorang buapak itu diadakan secara senyap dan tidak dihebahkan kepada akhbar seperti mana yang terdapat dalam memilehan wakil-wakil rakyat. Dengan itu, golongan penghijrah tidak mengetahui perkembangan dalam masyarakat adatnya. Selain itu, peranan buapak sudah tidak banyak fungsinya lagi. Mereka hanya hadir didalam upacara-upacara yang tertentu sahaja seperti perkahwinan, kematian dan sebarang upacara 'rites de passage' yang lain. Dengan itu, anakbuah dengan buapak adalah tidak

mesra dan kadang-kadang mereka saling tidak kenal mengenal.

Perhubungan anakbuah dengan buapak dikalangan 'Tiga Batu' tidak rapat. Malahan terdapat pula krisis dikalangan orang-orang tua dengan buapak. Mereka tidak lagi mengesahkan perlantikan buapak dan ini jelas menunjukkan penghormatan terhadap seorang ketua adat adalah tidak diberikan lagi. Hal ini menjadi teladan kepada generasi muda. Jadi disini tidak dapat disalahkan generasi muda sahaja yang menyebabkan sistem adat kian lemah. Jadi bukan migrasi sahaja yang menyebabkan sistem adat itu lemah tetapi adanya pertentangan pendapat diatas orang-orang tua.

Krisis pemilihan Buapak melibatkan dua orang calun iaitu diantara buapak yang sebenarnya iaitu Zakaria bin Ahmad dengan ketua waris iaitu Lebai Alias bin A. Wahab. Pemilihan buapak 'Suku Tiga Batu' itu iaitu Zakaria bin Ahmad tidak dipersetujui sepenuhnya oleh semua ahlinya disebabkan oleh pemilihan itu telah dibuat dirumah salah seorang 'Suku Tiga Datar' yang kononnya 'Suku Tiga Datar' telah masuk 'Suku Tiga Batu' tetapi ini tidak diketahui oleh orangramai. Sepatutnya pemilihan itu dijalankan dirumah 'Tiga Batu'. Satu rundingan dan muafakat yang lain telah diadakan dirumah Haji Yusof iaitu ketua kampung Bukit Gombang dengan disaksikan oleh semua ahli Tiga Batu dan selepas rundingan itu telah diistiharkan Zakaria bin Ahmad menjadi buapak yang sebenarnya. Akan tetapi ahli-ahli Tiga Batu yang lain masih enggan menerimanya lagi kerana mereka berpendapat peristiwa itu

telah melanggar Adat Perpatih. Jadi 'Suku Tiga Batu' telah berpecah kepada dua; satu dihilir iaitu dikampung Lonok dengan buapaknya, Zakaria Ahmad dan satu lagi dihulu dengan ketua waris iaitu Lebai Alias bin A. Wahab telah mengambil alih tugas-tugas buapak bagi kampung Bukit Gombang. Oleh kerana perpecahan ini didapati upacara-upacara yang melibatkan kehadiran buapak telah diambil-alih oleh ketua waris di Kg. Bukit Gombang. Dengan itu terdapat krisis bagi suku ini supaya perpecahan ini dapat dikawal. Selain itu, dikatakan buapak yang sebenarnya itu tidak ada pengetahuan yang luas dan mendalam didalam adat kerana taraf pelajarannya yang rendah.

Buapak dipilih berdasarkan kepada peribadi atau kewibawaan sesaorang termasuklah hal-hal peribadi iaitu keturunnya, pengetahuan tentang ugama, kedudukan ekonomi yang teguh. Hal-hal ini amat diberatkan kerana sesaorang buapak nanti akan menjadi tempat mengadu segala hal oleh anakbuahnya. Pada hari ini, hal-hal itu masih dititikberatkan tetapi yang lebih ditekan ialah faktor ekonomi dimana apabila anakbuahnya didalam kesempitan, senang hendak diberi bantuan oleh buapak. Ini yang menjadi bangkangan dari anakbuah yang melihat peranan buapak tidak berkesan lagi.

Dikalangan semenda menyemanda diantara mereka sendiri tidak kenal mengenali antara satu sama lain. Mereka jarang berjumpa kerana masing-masing balik ke kampung pada hari-hari yang tertentu sahaja. Lagipun, mereka adakalanya berkahwin ditempat mereka berhijrah seperti

dibandar-bandar. Ini mungkin terdapat pada orang-orang yang berpangkat sedikit, kononnya untuk menjaga 'standard' mereka, mereka membuatnya di hotel-hotel yang terkemuka. Oleh itu mereka hanya mengajak kawan-kawan sepejabat sahaja. Orang-orang kampung tidak dijemput. Hanya ibubapa dan keluarga-keluarga yang rapat sahaja dijemput. Oleh itu mana hendak anakbuah yang lain mengenali orang-orang yang berkahwin diluar kawasan kampung ini. Lagipun, mereka jarang balik kekampung kerana kononnya sibuk bekerja dan jikalau balikpun hanya untuk satu hari sahaja. Jadi mereka ini tidak dapat bergaul dan bercampur dengan masyarakat adat sepenuhnya. Dengan itu, perhubungan diantara semenda adalah tidak bagitu baik. Malah ramai yang tidak berapa pasti siapakah orang semenda yang sebenarnya dikampung ini kerana masing-masing seperti tidak ada apa-apa perbezaan baik dari segi 'term of address' atau peranan masing-masing.

Bagi peranan orang semenda dikampung ini adalah tidak ada apa-apa fungsi lagi. Ini terutama pada para penghijrah yang tidak mengetahui dengan mendalam tentang peranan orang semenda ditempat semenda. Mereka berfikir peranan mereka adalah sama dengan ahli-ahli masyarakat adat yang lain. Dengan itu dapat dilihat dalam upacara perkahwinan misalnya peranan orang semenda tidak terdapat langsung malahan anakbuah yang banyak menjalankan peranan orang semenda. Mereka hanya menolong kerja-kerja yang ringan sahaja malahan ada orang semenda yang hanya balik menolong upacara perkahwinan sekejap sahaja. Mereka banyak memberi pertolongan material seperti wang daripada tenaga kerja. Padahal

menurut struktur adat yang sebenarnya mereka itu boleh dikerah untuk membuat kerja-kerja yang berat sedikit. Tetapi keadaan kini telah berubah kerana kebanyakan orang semenda banyak yang berhijrah dan tidak mendalami struktur adat yang sebenarnya.

Akibat daripada migrasi juga, peranan Datuk Lembaga dan buapak adalah sangat berkurangan. Ini disebabkan para penghijrah tidak lagi menjadikan lembaga dan buapak itu menjadi tempat mengadu. Mereka lebih pentingkan pentadbiran moden atau birokrasi kerajaan untuk tempat mereka mengadukan masalah-masalah mereka. Dengan itu, Datuk Lambaga tidak atau jarang sekali dapat menyelesaikan masalah tentang adat kepada anak-anak buahnya. Contohnya didalam perkelahian atau perceraian dikalangan suami-isteri para penduduk disini lebih suka untuk menyelesaikan masalah itu dengan cara tersendiri daripada mengadukan hal itu kepada Datuk Lembaga. Didalam hal tanah pusaka atau pembahagian tanah diatas ahli-ahlinya, mereka kini ada satu institusi kerajaan iaitu Pejabat Tanah Daerah yang dapat menyelesaikan segala hal yang berkenaan dengan tanah. Ini menjelaskan peranan lembaga dan buapak yang sepatutnya menguruskan semua hal tersebut. Anak-anak buah kini lebih memegang prinsip hidup sendiri tanpa memperdulikan masalah-masalah anggota masyarakat yang lain. Ini mungkin disebabkan mereka tidak lama bergaul dengan masyarakat yang lain disebabkan mereka berhijrah dan dengan itu mereka segan untuk mencampuri hal rumah tangga orang lain.

Hubungan diantara Datuk Lembaga dengan buapak bagi 'Suku Tiga Batu' adalah amat rengang sekali. Ini mungkin disebabkan mereka tidak

sependapat dengan krisis 'pemilihan buapak' dahulu. Dengan itu Buapak dan Lembaga amat jarang bertemu dan berbincang mengenai anak-anakbuah mereka. Dengan bertambahnya orang yang berhijrah keluar, maka tanggungjawab mereka terhadap anakbuah mereka juga menjadi kurang. Dengan itu, kesan migrasi pada ketua adat adalah sangat jelas dimana mereka tidak bertemu dan mengajar kepada mereka tentang selok-belok adat yang sebenarnya kepada mereka.

Berminat atau kurang berminatnya sesorang itu untuk memegang sesuatu jawatan adat bergantung kepada tinggi atau rendahnya jawatan itu. Jawatan Buapak, oleh kerana jawatan itu rendah bermakna ganjaran materialnya kecil, maka tidak ramai yang berminat untuk memegangnya. Walau bagaimanapun, sesuatu kekosongan itu terpaksa dipenuhi, jika tidak perut itu akan kehilangan haknya. Keadaan begini menyebabkan pembesar-pembesar adat hanya mementingkan elauan atau penceن mereka sahaja, bukan tanggungjawab mereka terhadap suku mereka. Ini ditambah dengan beberapa syarat yang terpaksa dipenuhi. Oleh itu apabila berlaku sesuatu kekosongan jawatan, barulah perhatian tertumpu untuk mencari pengantinya. Oleh itu didapati kebanyakan ahli-ahli masyarakat tidak berminat untuk menyandang jawatan adat. Ini terutama digenerasi muda kerana mereka lebih mementingkan jawatan didalam birokrasi kerajaan kerana ia mendatangkan pendapatan yang lebih tinggi dan dihormati oleh masyarakat lain. Yang menyandang jawatan adat ini adalah kebanyakannya terdiri dari orang-orang tua terutama yang telah bersara dari pekerjaan asalnya.

Kekuasaan tradisional dalam struktur adat ~~perpatih dikampung~~ ini jelas telah merosot dan jauh berbeza daripada yang asalnya. Hubungan kemasyarakatan diantara ketua adat dengan anakbuah dan semenda menyemenda agak longgar. Ini disebabkan sedikit sebanyak oleh migrasi dimana ahli-ahli adat tidak berpeluang untuk bergaul dengan masyarakat kampung dan ini memungkinkan struktur adat itu tidak difahami dengan mendalam. Dengan itu terdapatlah berbagai krisis dikalangan masyarakat yang mana mereka ingin mengubahkan sedikit struktur adat yang tidak lagi sesuai dipakai pada masa kini. Krisis seperti ini akan dapat diselesaikan jika masyarakat memahami benar-benar struktur adat dan dapat bermuafakat diantara mereka dalam mencari kebulatan dalam sebarang masalah. Tetapi kini birokrasi moden lebih diterima oleh masyarakat daripada struktur adat. Kebanyakan yang berhijrah membawa balik nilai-nilai baru yang kebanyakannya adalah bertentangan dengan adat. Nilai itu menekankan kebendaan dan ini jelas dalam krisis pemilihan Datuk Jempol yang telah dihuraikan dimanacalun-calunnya kebanyakannya adalah terdiri dari orang-orang yang mempunyai kedudukan ekonomi yang kuat walaupun pengetahuan mereka tentang adat adalah meragukan.

Pada peringkat rumah tangga pula, perhubungan diantara adik-beradik adalah baik. Walaupun anak perempuan mendapat harta pusaka pihak lekaki tidak menaruh irihati dan menganggap itu adalah adil. Mereka yang merantau selalu balik ke kampung untuk melihat ibubapa dan adik-adiknya. Mereka juga selalu menziarahi rumah adik-beradik mereka ditempat mereka merantau. Jikalau salah seorang dari anggota

mereka mendapat kemalangan, mereka akan bersama-sama menolong setakat yang mampu. Ini juga seperti untuk adakan upacara-upacara perkahwinan adik beradik mereka, mereka lah yang banyak membantu samada material atau tenaga. Kadang-kadang mereka membawa ibubapa mereka tinggal bersama mereka dibandar. Ini adalah untuk menjaga anak mereka kerana mereka suami-isteri bekerja disiang hari. Oleh itu ibu mereka diharapkan dapat menjaga cucunya buat seketika. Ada juga yang menghantar dan menyekolahkan anak-anak mereka dikampung. Ini untuk mendapat didikan dan pelajaran yang sempurna jikalau dibandingkan dengan dibandar. Jadi jelaslah, perhubungan diantara ahli-ahli keluarga diperingkat rumah tangga masih lagi kuat walaupun mereka adik-beradik berhijrah dan sesekali balik ke kampung.

Pengkaji dapat sebut, kesimpulan juga bahawa bukanlah sahaja

kesan-kesan ini telah dibincangkan diatas bab-bab yang lalu,

Pengkaji dapat sebut, kesimpulan juga bahawa bukanlah sahaja migrasi penata-tata yang menyebabkan sisten edat itu berubah.³ Terdapat juga beberapa faktor lain seperti sifat keindividuan, teknologi moden dan keadaan kesihiling. Penghijrahan telah meningkatkan sikap individualism iaitu sikap mengasingkan diri sendiri sahaja tanpa memperbaiki hal orang lain. Sifat ini adalah dibentuk daripada kehidupan dibandar yang telah mula memalar dikampung-kampung. Sikap individualism ini diperkuatkan lagi oleh penggunaan teknologi moden seperti air-air paip dan bekalan air tetapi Dr. Nororot Azizah Razia (1976) kemicilan paip-paip air telah membantu walaupun sekali perihalungan dan interaksi

BAB 5 : KESIMPULAN

Daripada keempat-empat bab yang telah dibincangkan dengan panjang lebar tentang migrasi dan kesannya kepada sistem Adat Perpatih, dapat disimpulkan bahawa sistem adat telah mengalami banyak perubahan dari kesan hasil daripada migrasi yang telah dilakukan oleh ahli-ahli masyarakat dikampung ini. Pengkaji dapat membuat kesimpulan tentang kesan-kesannya dan perubahan-perubahan dari segi ekonomi, sosio-budaya dan politik. Dapat dibuat kesimpulan bahawa terdapat kesan negatif dan kesan positif tentang migrasi itu kepada sistem Adat Perpatih dikampung ini. Kesan negatif bolehlah dikatakan kesan yang mendatangkan kemerosotan pada struktur Adat sementara kesan positif ialah kesan yang meningkatkan lagi dan memberi idea baru kepada ahli-ahli masyarakat. Kesan-kesan ini telah dibincangkan didalam bab-bab yang lalu.

Pengkaji dapat membuat kesimpulan juga bahawa bukanlah sahaja migrasi semata-mata yang menyebabkan sistem adat itu berubah. Terdapat juga beberapa keadaan lain seperti sifat keindividuan, teknologi moden dan keadaan sekeliling. Penghijrahan telah menimbulkan sikap individualism iaitu sikap mementingkan diri sendiri sahaja tanpa memperdulikan hal orang lain. Sifat ini adalah dibawa daripada kehidupan di-bandar yang telah mula menular dikampung-kampung. Sikap individualism ini diperkuatkan lagi oleh penggunaan teknologi moden seperti air-air paip dan bekelan api letrik. Menurut Azizah Kassim (1976) kemunculan paip-paip air telah menghapuskan sama sekali perhubungan dan interaksi

sosial. Dahulu disungai-sungai atau dijeram, tiap-tiap hari mereka berkumpul dan sambil membasuh kain -baju mereka berbincang dan menge luarkan masalah-masalah keluarga mereka untuk sama-sama menyelesaikannya. Tetapi kini mereka membasuh dirumah-rumah sendiri dan dengan itu interaksi sosial kurang dilakukan. Kemunculan letrik juga memberi kesan kepada hubungan kemasyarakatan. Bekalan letrik itu perlu dibayar dengan tunai dan dengan itu mereka tidak dapat berkongsi apa-apa keperluan kepada jiran-jiran mereka. Perasaan kedekut telah menular dimana penggunaan wang tunai sangat diperlukan. Keadaan dikampung ini samalah dengan keadaan yang telah dihuraikan oleh Azizah Kassim dimana sikap individu itu jelas ketara dikalangan masyarakat.

Para penghijrah juga biasanya membawa barang-barang yang moden yang datangnya dari bandar didalam rumah mereka. Ini menyebabkan satu sikap yang kurang baik timbul iaitu sikap berlumba-lumba didalam masyarakat. Kehidupan bandar mereka telah menyebabkan penduduk disini ingin meniru akan kehidupan dibandar. Mereka kini ada yang berlumba-lumba untuk mendapatkan barang-barang mewah seperti barang-barang kemas, TV, alat-alat dapur. Mereka ingin membuktikan yang mereka juga boleh membeli dan mendapatkan segala barang itu. Oleh itu, timbulah perasaan irihati jikalau jiran-jiran mereka ada kelebihan yang jauh dari mereka. Ini adalah satu sikap nilai yang kurang baik dimana adat dan ugama sama sekali melarang perbuatan seperti itu.

Akibat daripada proses migrasi juga telah menyebabkan pengetahuan tentang adat adalah sangat kurang dikalangan generasi muda. Diperantauan

mereka tidak didedahkan dengan proses sosiolisasi dan pelajaran tentang adat. Mereka hanya tahu tentang diri mereka yang datangnya dari Adat Perpatih tetapi tidak mengetahui tentang dasar-dasar dan pelaksanaan adat itu sendiri. Dibandar, mereka didedahkan kepada unsur-unsur ke modenan dengan berpandukan kearah pembaratan. Ini sudah tentulah bertentangan dengan Adat Perpatih yang banyak berpandukan kepada masyarakat adat yang tradisional. Mereka anggap adat itu telah lapuk dan tidak patut lagi diamalkan masakini. Mereka menganggap ini akan menghalang pembangunan. Pengkaji juga dapat menyebutkan bahawa kebanyakan para ibubapa dan ketua-ketua adat jarang sekali memberikan pelajaran dan pengetahuan tentang adat kepada anak-anaknya. Mereka hanya memberi ciri-ciri kasar sahaja dan itupun jikalau anak itu bertanya. Oleh itu sianak itu tidak dapat mengetahui akan hal yang sebenarnya. Dengan itu dapat dilihat bahawa bukan sahaja para penghijrah sahaja yang tidak mengetahui struktur adat tetapi juga anak-anak buah yang tinggal dikampung ini juga tidak didedahkan dengan meluas mengenai perjalanan adat yang sebenarnya.

Ada juga sebahagian kecil daripada para penghijrah yang memperkembangkan Adat Perpatih di tempat-tempat mereka berhijrah. Ini kebanyakannya berlaku di Tanah-tanah Rancangan Felda dimana amalan adat itu masih dipakai di tempat baru itu. Mereka akan mengadakan adat istiadat Adat Perpatih didalam majlis-majlis perkahwinan anak mereka. Ini adalah satu amalan yang baik dimana ia akan menjadikan sistem adat itu tidak luput daripada ingatan ahli-ahlinya. Mereka hanya menukar

sedikit sahaja adat yang difikirkan boleh diubahsuai. Selain itu, para penghijrah ini juga dapat memberi keterangan yang mendalam kepada masyarakat luar tentang adat dan anggapan-anggapan serong orangramai tentang berkahwin dengan wanita-wanita Adat Perpatih dimana kononnya mereka akan merana jikalau mereka bercerai. Dengan itu, penghijrah itu akan menjadi alat kepada adat untuk mengikis segala tohmah buruk itu. Dengan itu diharapkan anggapan seumpama itu akan dapat dikurangkan untuk menjaga imej wanita Adat Perpatih.

Didalam kajian Azizah Kassim (1969) dikatakan wanita-wanita beradat perpatih memainkan peranan yang paling penting didalam upacara perkahwinan dimana sejak persiapan dan persediaan dilakukan oleh para wanita secara kerjasama. Tetapi keadaan itu kini sudah berkurangan didapati ditempat kajian ini. Ini mungkin disebabkan oleh penghijrahan kaum wanita dan ini menyebabkan mereka tidak dapat menolong dengan sepenuhnya. Ini juga menunjukkan dalam masa 15 tahun telah menyebabkan perubahan yang besar berlaku dimana sistem Adat itu telah menjadi longgar. Azizah Kassim juga menegaskan kaum keluargalah memainkan peranan yang besar didalam mencari jodoh anak-anaknya yang kebanyakannya terdiri dari petani yang berdekatan dengan rumahnya pada ketika itu. Tetapi perkara seperti ini telah ternyata berubah. Individu sendiri yang mencari pasangannya dimana kaum wanita itu telah dapat bekerja dibandar dan bertemu dengan pilehan hatinya. Mereka selalunya memilih pasangan yang bekerja makan gaji kerana untuk menjamin kedudukan mereka dihari depannya. Ibumpa hanya menurut sahaja kehendak

anak mereka. Ini disebabkan taraf pelajaran yang semakin luas dimana kaum wanita telah sama-sama diberi peluang untuk mendapatkan pelajaran setinggi-tingginya. Dengan taraf pelajaran ini menyebabkan usia bagi sesorang itu berkahwin agak lewat berbanding dengan dimasa kajian Azizah Kassim dijalankan. Mungkin dimasa kajian itu dijalankan taraf pelajaran belum meluas dan dengan itu para wanita itu sedia untuk memasuki alam rumah tangga.

Daripada keseluruhan pengkajian ini didapati bahawa sistem Adat Perpatih dikala ini adalah begitu merosot jikalau dibandingkan dengan kajian-kajian yang pernah dilakukan dahulu. Misalnya A. Kahar Bador dalam kajiannya pada tahun 1963 mengatakan bahawa sistem Adat itu masih lagi kuat dimana semangat kerjasama dan tolong menolong didalam lapangan ekonomi, politik dan sosial adalah sangat dipentingkan. Tetapi kajian ini didapati semangat seperti itu telah berkurangan dan merosot sekali. Ini terutamanya dilapangan ekonomi dimana aktiviti berderau, menyeraya tidak dapat diadakan lagi disebabkan pengerjaan sawah padi tidak diusahakan dan kini telah terbiar. Didalam aspek politik pula, banyak krisis terjadi tidak seperti dahulu dimana ahli masyarakat patuh segala perintah dari ketua Adat. Menurut Nordin Selat, sesorang pemimpin adat itu dipilih berdasarkan kepada pengetahuan mereka tentang adat, umur dan peribadinya, tetapi kini didapati akibat perkembangan ekonomi kapi talis menyebabkan pengaruh ekonomi yang menjadi faktor utama didalam pemilihan jawatan adat. Perbandingan daripada kajian-kajian ini jelas menunjukkan, sistem Adat Perpatih telah perlahan-lahan merosot mengikut peredaran zaman dan ahli masyarakat yang sering berubah.

Adat sebagai peraturan cara hidup sesuatu masyarakat memangnya harus sesuai dengan perkembangan masyarakat itu sendiri. Kita mahu tidak mahu harus mengakui kenyataan bahawa sesuatu masyarakat yang hidup mesti berkembang menurut keadaan yang menglilinginya. Jadi mesti mengalami perubahan. Ini adalah undang-undang alam. Adat Perpatih juga berdasarkan kepada falsafah alam itu memang mengizinkan perubahan sebagaimana ternyata dari kata-kata adat :-

Nan elok dipakai

Nan buruk dibuang

Usang-usang diperbaharui

Lapuk-lapuk dikejangi

Melihat contoh kepada yang sudah

Melihat tuah pada yang menang.

Seterusnya dalam pelaksanaan kata-kata adat yang bernilai tinggi

diatas, jangan hendaknya digunakan paksaan dari atas ataupun dari

beberapa gelintir manusia sahaja, tetapi hendaklah dimusyarahahkan

bersama untuk mendapatkan kebulatan suara dari masyarakat. Ini

seperti kata adat :-

Tiap sesuatu dengan muafakat

Bulat air dek pembuluh

Bulat kata dek muafakat

Suasana musyarahah didalam pengertian adat adalah suasana muafakat

dan perundingan dalam mencari mana yang benar dan mana yang seelok-

selekat ini, ada yang dapat satu sifat sedikit secupur itu tetapi seeloknya menurut kehendak zaman, sehingga masing-masing sedia bertolak

ansur. Jadi, disistem hukum adat kita jumpai perpaduan dari prinsip kebebasan yang memperhatikan sepenuhnya norma-norma susila dengan prinsip taat kepada kebulatan kehendak dari masyarakat.

Pada ramalan pengkaji, dapat dikatakan struktur Adat Perpatih pada masa hadapan akan terus mengalami kemerosotan seandainya langkah-langkah tidak diambil dan kesedaran tentang faedah adat itu tidak dibina. Ini berdasarkan kepada kajian-kajian dimasa dahulu dan dimasa kajian ini dilakukan. Kesedaran tentang Adat itu kini telah merosot dengan kadar yang tinggi jikalau dibandingkan kajian-kajian 15 tahun yang dahulu. Dengan berpandukan hal sedemikian, pada pendapat pengkaji perkara sedemikian juga akan berlaku 15 tahun lagi dimasa hadapan. Oleh itu beberapa langkah dan idea yang baru haruslah diambil segera untuk mengatasi dan mengurangkan kemerosotan yang dialami itu. Ini dapat diambil oleh pihak kerajaan ataupun pihak-pihak persendirian.

Pada pendapat saya, langkah-langkah yang patut diambil untuk mengurangkan kemerosotan ialah dengan mengadakan satu seminar untuk membincangkan tentang hal-hal yang bersangkutan dengan Adat Perpatih. Ini diadakan dengan pembentangan kertas-kertas kerja dari beberapa pihak. Ini penting supaya masyarakat Adat khususnya generasi muda dapat mendengarnya dengan sejelas-jelasnya. Ini boleh dilakukan pada tiap-tiap tahun dan diadakan ditiap-tiap daerah yang terdapat di Negeri Sembilan ini. Ia boleh dijadikan sebagai satu projek tahunan. Setakat ini, cuma terdapat satu sahaja seminar serupa itu telah di-

adakan iaitu pada tahun 1974 dan selepas itu tidak lagi ~~lagi~~ kedengaran hal sebegini..

Saya juga membuat syor supaya kerajaan menimbaangkan supaya satu pelajaran tentang Adat Perpatih dapat diajarkan dan dijadikan satu matapelajaran disekolah-sekolah diseluruh Negeri Sembilan. Ini pada pendapat saya sebagai salah satu daripada proses sisialisasi kepada anak-anak muda. Dengan itu, struktur adat dapat diturunkan dengan cara sempurna disekolah disamping adanya kesedaran daripada ibubapa dan ketua-ketua untuk membimbing anak-anak mereka tentang adat. Oleh itu, bila mereka berada diperantauan mereka telah ada asas dan memahami adat dengan sempurna. Jadi, mereka tidak akan melupai adat itu walaupun dimana mereka berada. Ini menjadi asas kepada mereka supaya tidak terjadi sebarang kekecuanan didalam struktur adat akibat tidak memahami adat dengan sedalam-dalamnya. Dengan terdidiknya anak-anak muda ini diharapkan mereka dapat menyebarkan pengetahuan mengenai adat kepada lain-lain ahli masyarakat supaya seluruh masyarakat dapat memahami adat dengan jelasnya.

Akhir kata, saya berharap agar masyarakat Adat Perpatih dapat hidup berkekalan dengan berpandukan kepada struktur adat yang dicipta oleh nenek moyang kita dahulu. Inilah peninggalan tradisi yang paling unik yang dapat dibanggakan oleh masyarakat Negeri Sembilan seluruhnya. Kemerosotan yang berlaku pada sistem Adat Perpatih pada masa kini, hendaknya segera diatasi dan dapat mengembalikan kegemilangan adat seperti dahulu kala.

BIBLIOGRAFI

1. Abdul Kahar Bador, Kinship and Marriage among the Negeri Sembilan Malays, MA - University of London, 1963
2. Azizah Kassim, Kedudukan Wanita didalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan, MA - University of Malaya, 1969
3. Azizah Kassim, A Matrilineal Society in the Context of Development, Federal Museums of Journal, 1976
4. Mochtar Naim, Merantau : Causes and Effects of Minangkabau Voluntary Migration, Occasional papers, No.5, Institute of Southeast Asia Studies, Singapore, 1971
5. Mohtar Hj. Muhammad, Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia, Federal Publication, Kuala Lumpur, 1977
6. Dr. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Publications and Distributors, 1976
7. Lapuran Tahunan Jabatan Pertanian Jempol, 1982
8. Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, 1974.
9. DJM Tate, The Making of Modern South-East Asia (MMSEA), Vol. 1, Oxford University Press, Kuala Lumpur/Singapore, 1971